

Jilid II
Bil. 55



Hari Isnin
19hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Isi ucapan di bawah Peraturan Mesyuarat 36 [Ruangan 7793]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7796]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa—

Jadual—

Maksud B. 25 [Ruangan 7829]

Maksud B. 26 [Ruangan 7858]


USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985—

Jawatankuasa—

Maksud P. 25 [Ruangan 7829]

Maksud P. 26 [Ruangan 7858]



MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M., TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID.**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kelapa Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (JELEBU).

- „ MENTERI BURUH, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P.,
K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu
Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 19hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PENGUMUMAN
TUAN YANG
DI-PERTUA

ISI UCAPAN DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 36

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 5hb November yang lepas, Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah membangkitkan satu point of order bersabit dengan satu soalan tambahan yang diperbuat oleh Ahli dari Jelutong. Point of order itu telah dibangkitkan selepas kejadian yang ditunjukkan itu telah berlaku dan bukan masa kejadian itu sedang berlaku. Keputusan atau ruling yang dihendaki saya buat sekarang ialah sama ada sesuatu point of order itu boleh dibuat oleh mana-mana Ahli setelah perkara yang ditunjukkan itu telah berlalu. Dalam kes ini perkara yang dibangkitkan itu berlaku pada masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut dan point of order itu dibuat pada masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut itu telah selesai.

Setelah saya meneliti soal ini maka pada fikiran saya point of order itu tidak boleh dibawa di mana lain daripada masa kejadian itu berlaku. Itulah sebabnya perbuatan itu

dipanggil point of order iaitu tujuannya ialah untuk mengadakan ketenteraman atau order di dalam Majlis Mesyuarat pada masa perjalanan Mesyuarat. Jika sekiranya point of order itu boleh dibuat bila-bila masa sahaja lepas kejadian itu berlaku maka tentulah perbuatan itu tidak menepati tujuan asal point of order itu.

Selain dari itu, jika ia dibolehkan maka ia akan mengganggu perjalanan Mesyuarat dengan kerana seorang Ahli itu boleh bila-bila masa pun mengeluarkan point of order di atas perkara-perkara yang berlaku walaupun perkara itu telah lama berlaku. Ini tidak praktikal dan boleh menghindarkan kelicinan perjalanan Mesyuarat. Tetapi pada fikiran saya jika mana-mana Ahli Yang Berhormat hendak membuat apa-apa bantahan di atas apa-apa satu perkara yang berbangkit seperti perbuatan ataupun ucapan-ucapan yang boleh ditakrifkan sebagai satu contempt ataupun satu jenayah maka bolehlah mana-mana Ahli mengambil tindakan ke atas perkara ini dengan membuat satu komplek melalui satu usul untuk ditimbang oleh Dewan dan untuk Dewan mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya. Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sedia maklum, hak menjatuhkan hukuman ke atas mana-mana Ahli bersabit dengan contempt atau jenayah adalah hak Dewan ini sendiri seperti yang telah disyaratkan di bawah Perkara 80 (2) Peraturan Mesyuarat. Dalam perkara yang

dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih ini maka terpulanglah kepada Dewan ini mengambil apa-apa tindakan mengikut garis-garis yang saya sebutkan tadi.

Tuan Karpal Singh: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak bercakap atas fasal apa?

Tuan Karpal Singh: Ya, atas point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Sebutkan dahulu point of order.

Tuan Karpal Singh: Point of order 36 (8). Apa yang terkandung dalam order ini iaitu 36 (8); jikalau saya boleh bacakan, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Karpal Singh: Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. . . . dan semua sekali, Tuan Speaker, "telah boleh" disebutkan kecuali dengan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya "tidak".

Tuan Karpal Singh: Dalam apa yang ada di sini, Tuan Speaker, "telah boleh". jikalau boleh apa yang saya telah buat benar mengikut Peraturan Mesyuarat, "telah boleh". Jikalau ada kesilapan, apa yang perlu dibuat, Tuan Speaker, barangkali ada peruntukan baharu dalam peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Karpal Singh: Jikalau tidak, apa yang saya ada buat, Tuan speaker,

ada mengikut peraturan dan tidak ada pihak di sini atau mana-mana yang lain yang boleh mengambil tindakan atas saya oleh kerana saya ikut apa yang ada dalam peraturan-peraturan. Itulah apa yang saya mahu sebutkan dan terangkan kepada Dewan yang mulia ini. Saya tidak buat apa-apa kesilapan atau kesalahan. Tidak ada sesiapa pihak, termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih, yang boleh mengambil tindakan dalam perkara ini. Itu pendirian saya, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kami sudah faham. Terpulanglah kepada Dewan, sebagaimana saya sebutkan tadi mengambil apa-apa tindakan yang Dewan ini memikirkan sewajarnya.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SEKOLAH BERASRAMA PENUH—KRITERIA PEMILIHAN

1. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa cara pemilihan masuk ke Asrama Penuh yang diamalkan sekarang ini amat banyak menimbulkan rungutan atau tidak kepuasan hati di kalangan ibu bapa, di mana murid-murid yang mendapat 5A telah tidak terpilih sebaliknya yang mendapat markah yang jauh lebih rendah dapat diterima. Berapa lamakah lagi amalan ini akan diteruskan. Adakah pihak Kementerian Pelajaran akan mengadakan suatu formula atau cara-cara lain pada masa akan datang untuk menentukan murid-murid yang benar-benar layak dan bermutu untuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1983 kriteria pemilihan untuk memasuki ke sekolah berasrama penuh yang telah dilaksanakan bukanlah semata-mata berdasarkan kepada mereka yang memperoleh 5A sahaja tetapi taraf sosio-ekonomi ibu bapa, jenis dan kedudukan sekolah rendah juga diambil kira.

Kementerian Pelajaran tidak dapat menyediakan tempat untuk semua pelajar-pelajar yang memperoleh 5A kerana bilangan mereka melebihi dua kali ganda daripada semua tempat yang terdapat di sekolah berasrama penuh di negara ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angka di sini, sekarang ini berapakah jumlah tempat yang ada yang boleh memenuhi murid-murid bagi menduduki sekolah berasrama penuh.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, jumlah tempatnya ialah pada tahun 1982 kita ada 22 buah sekolah menengah berasrama penuh dan 1983 22 buah, 1984 27 buah dan jumlah pelajar yang sekarang berada di sekolah itu (sebanyak 27 buah) ialah seramai 21,014 orang.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar cerita bahawa Kerajaan ada memperkenalkan sistem ratio untuk menempatkan pelajar-pelajar bagi Tingkatan I dan Tingkatan IV di sekolah-sekolah berasrama penuh di antara pelajar-pelajar bandar dan pelajar-pelajar luar bandar.

Adakah perkara itu benar? jika benar, saya ingin tahulah bagaimanakah bentuk ratio penempatan tersebut di antara

pelajar-pelajar yang tinggal di bandar-bandar besar berbanding dengan pelajar-pelajar yang tinggal di bandar-bandar kecil dan juga pelajar-pelajar yang tinggal di luar bandar serta pelajar-pelajar yang tinggal jauh terpencil di kawasan luar bandar.

Kedua, adakah Kementerian Pelajaran akan menimbangkan pelajar-pelajar yang belajar jauh di kawasan luar bandar dan juga di pulau-pulau yang mendapat 3A misalnya dan 2B ataupun 2A, 3B di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah V dibolehkan masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, rasionya memang ada untuk mereka yang masuk ke Tingkatan I sekolah berasrama penuh ialah sekarang kita berasaskan kepada kriteria. Satu daripada kriterianya ialah 30% daripada kawasan bandar dan 70% daripada luar bandar.

Mengenai usaha Kerajaan untuk mengambil mereka yang di tempat-tempat terpencil memanglah ini diambil kira dan termasuk dalam kriteria yang saya sebutkan tadi. Misal kata kriterianya ialah peperiksaan Darjah V tidak semestinya diambil kira.

Kedua, latarbelakang ekonomi ibu bapa.

Ketiga, kategori sekolah rendah dan juga yang saya sebutkan tadi pembahagian dari segi peratus diambil. Dan sudah semestilah apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sama ada kita hendak ambil kira mereka yang di luar bandar yang terpencil, memang kita ambil kira.

Wan Zainah binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran takkah rasa kecewa bagi

anak-anak yang dapat 5A tadi manakala mereka itu tidak dapat masuk ke sekolah berasrama penuh.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan yang di-Pertua, memang dalam dunia ini ramai manusia yang kecewa tetapi usaha kita ialah supaya kekecewaan itu akan dapat kita minimakan, kita rendahkan ratio yang kecewa. Jadi, sejajar dengan itu memanglah ramai juga pelajar-pelajar yang hendak masuk ke sekolah berasrama penuh ini yang kecewa. Namun demikian, oleh kerana ketiadaan tempat dan kriteria yang kita gunakan untuk memilih itu terpaksa kita laksanakan, jadi terpaksa lah ramai juga yang ingin hendak masuk tidak dapat masuk. Usaha kita ialah untuk memperbanyakkan juga sekolah berasrama penuh ini untuk supaya dapat kita memuaskan kehendak mereka yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu yang kecewa supaya mereka itu tak sekecewa, bak kaca terhempas ke batu.

RANCANGAN SIVIK DI SEKOLAH

2. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan-rancangan sivik yang dijalankan oleh tiap-tiap sekolah di negara ini dengan panduan daripada Kementerian supaya tiap-tiap murid apabila tamat zaman persekolahan mereka akan menjadi seorang dewasa yang berperasaan sivik dan bertanggungjawab.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, rancangan dan program sivik yang dijalankan di sekolah-sekolah di negara ini adalah berdasarkan sukatan pelajaran matapelajaran sivik yang telah digubal selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Melalui pelajaran ini nilai-nilai yang mulia seperti

bertanggungjawab, amanah, berdisiplin, bekerjasama dan lain-lain nilai murni ditanam dan dipupuk di kalangan pelajar-pelajar kita.

Selain daripada itu kegiatan-kegiatan seperti ceramah, dialog, forum, perbincangan dan tayangan filem berunsur sivik ada dijalankan supaya pelajar-pelajar kita dapat dibentuk menjadi warganegara yang mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi dan perwatakan yang mulia.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran memberi pelajaran nilai-nilai baik orang Asia kepada pelajar-pelajar kita seperti, dengan izin, propriety, morality, modesty, a sense of ashame dan taat setia menghormati, cintakan amalan keamanahan dan lain-lain.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya merasai susah hendak faham. Dapatkah Yang Berhormat ulangkan sekali lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kalau hendak menerangkan itu terlampau panjang. Adakah Yang Berhormat hendak menjawab soalan itu, kerana kalau hendak menerangkan payah itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya mohon maaf, mungkin tidak dapat saya hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pelajaran sivik di sekolah-sekolah ini saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pelajaran berapa lama ataupun mengikut jadual pelajaran dalam satu minggu itu berapa lamakah masa yang diberi kepada guru ataupun murid-murid untuk pelajaran sivik ini di sekolah rendah dan di sekolah menengah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pelajaran sivik ini masa tertentu memang ada satu masa seminggu tetapi terpulang kepada kelas-kelas dan pelajaran sivik ini tidaklah boleh kita khaskan hanya kepada masa yang ditetapkan di sekolah sebab sivik ini berjalan di mana-mana. Di jalan raya pun mereka belajar sivik, semasa berhimpun pun mereka belajar sivik kerana di masa itu dinyanyikan lagu Negaraku, dikehendaki mereka itu menghormati dan patuh menyanjung tinggi atas kebesaran lagu Negaraku misal kata.

Jadi, saya rasa sivik ini ialah perkara yang luas yang harus diajar bukan hanya dalam matapelajaran sivik tetapi semasa mengajar matapelajaran lain juga dan semasa anak-anak itu melakukan aktiviti di luar darjah dan juga dalam darjah.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penerangan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menerangkan bahawa pelajaran sivik ini ialah untuk membentuk nilai-nilai murni kepada pelajar-pelajar kita untuk menjadi anggota masyarakat yang berguna di masa depan.

Untuk melaksanakan rancangan ini saya ingin bertanya setakat ini sejauh manakah Kementerian Pelajaran telah menyediakan guru-guru yang berkemampuan untuk memberikan pelajaran ini kepada pelajar-pelajar kita kerana setakat ini guru-guru yang ditugaskan mengajar pelajaran ini merupakan guru-guru am sahaja.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk memanjangkan masa guru-guru berlatih di maktab-maktab perguruan yang ada di negara kita sekarang adalah satu langkah dan salah satu daripada objektif yang kita hendak capai ialah untuk menentukan supaya

guru-guru yang dilatih di maktab-maktab ini akan dilatih secara lengkap dan total ataupun absolute supaya mereka itu bukan hanya dilatih untuk mengajar matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah dan kelas-kelas tetapi diajar dan dilatih untuk civic minded, dengan izin, untuk menjadi seorang guru yang lengkap yang bukan hanya boleh mengajar matapelajaran yang khas di sekolah tetapi mengajar sivik dan juga mengajar akan cara-cara bagaimana murid-murid itu boleh menjadi manusia yang tingkah lakunya tinggi, peribadinya tinggi dan juga menghormati negara dan sebagainya sebagaimana yang termaktub dalam Rukunegara kita.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengkaji semula kurikulum di sekolah-sekolah di dalam negara kita ini. Soalnya, adakah di dalam kajian itu Kementerian Pelajaran mengambil kira untuk menjadikan matapelajaran Sivik ini sebagai matapelajaran peperiksaan di sekolah-sekolah di dalam negara kita bagi menggantikan matapelajaran sejarah, untuk mengetahui sejarah dunia, sejarah Asia yang kita anggap tidak berapa penting bagi murid-murid di dalam negara ini untuk mengetahui sejarah-sejarah demikian dan bagi menggantikan matapelajaran Ilmu Alam, misalnya untuk mengetahui Gunung Everest di mana, Sungai Amazon di mana, mereka lebih penting untuk mengetahui Ilmu Alam tempatan. Adakah kajian tersebut mengambil kira tentang faktor-faktor ini, iaitu dengan memansuhkan matapelajaran sedemikian rupa, dan digantikan dengan matapelajaran Sivik agar murid-murid dan rakyat di dalam negara kita pada masa-masa yang akan datang mempunyai semangat cintakan tanahair mereka sendiri.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, semuanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah dalam kajian dan sama ada ianya akan dijadikan matapelajaran yang terpenting ataupun 'medium' penting dan sebagainya, terpulang kepada kajian dan kajian nanti akan menentukan sama ada ia boleh dijadikan matapelajaran 'exam-orientated' ataupun yang perlu ataupun tidak. Jadi ini masih dalam kajian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).

BOT NELAYAN ASING DI PERAIRAN MALAYSIA

4. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan bot nelayan asing yang ditangkap kerana memukat ikan di perairan Malaysia pada 1982-1984 dan sebutkan kewarganegaraannya;
- (b) bilangan bot kastam luar negeri yang diusir keluar, ditahan untuk disoal dan disusuli dengan tindakan tertentu kerana mencero bohi perairan kita dan mengganggu bot-bot nelayan Malaysia bagi tempoh yang sama; dan
- (c) sama ada rundingan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan-kerajaan Thailand dan Indonesia menyentuh perkara ini, jika ya, apakah hasilnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1982

hingga bulan September tahun ini sebanyak 50 buah bot nelayan asing kepunyaan warganegara Thai, Singapura, Indonesia dan Taiwan telah ditangkap kerana menangkap ikan di perairan negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini belum ada sebarang tangkapan terhadap bot-bot kastam negara asing yang mencero bohi perairan serta mengganggu nelayan kita. Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap masalah pencerobohan nelayan asing di perairan negara kita.

Bagi mengatasi masalah ini, satu rundingan telah pun diadakan dengan Kerajaan Thailand di mana satu persetujuan telah tercapai bagi mewujudkan dua Jawatankuasa Kerja Bertindak sebagai saluran perhubungan dan juga akan mengendalikan segala masalah yang berkaitan dengan perikanan antara kedua negara.

Setakat ini Kerajaan belum lagi mengadakan sebarang rundingan dengan Kerajaan Indonesia kerana tindakan melalui saluran diplomatik didapati lebih berkesan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, setakat ini ada berapa pusat pengkalan Polis Merin yang menjaga keselamatan di sebelah Laut China bagi menjaga bukan sahaja bot-bot nelayan tetapi menjaga musuh dari utara dan apakah bilangan bot-bot dan juga pusat yang ada itu mencukupi untuk menjaga keselamatan nelayan dan juga negara kita daripada serangan dari Laut China?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin kerana tidak dapat menjawab bahagian pertama soalan Yang Berhormat oleh kerana terlibat di segi

keselamatan. Tetapi walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, terdapat lebih kurang 198 buah bot yang berbilang jenis yang diletakkan di beberapa tempat, termasuklah di bahagian Sabah dan Sarawak.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, tadi beliau telah menerangkan ada 50 buah bot asing yang telah dapat ditangkap. Apakah hukuman yang dikenakan kepada mereka yang telah ditangkap, dan adakah dengan hukuman-hukuman itu akan dapat mengurangkan lagi kegiatan menceroboh di perairan kita?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan bot-bot yang telah ditangkap dihadapkan ke mahkamah dan ada pula mereka yang dilepaskan selepas membayar kompaun mengikut Akta Perikanan. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Yang Berhormat, kesannya bukanlah tertumpu kepada undang-undang yang sedia ada tetapi kesannya ialah tertumpu kepada rondaan yang selalu dijalankan oleh Polis Merin, Polis Di-Raja Malaysia.

Sebagai bandingan, adalah didapati bahawa kejadian-kejadian menceroboh di perairan wilayah Malaysia kalau dibandingkan dengan tahun-tahun kebelakangan, pada tahun ini amatlah kekurangan. Ini oleh sebab adanya tingkatan rondaan yang dijalankan oleh Polis Marin dan juga Unit Udara Polis Di-Raja Malaysia.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu satu masalah berkenaan dengan ancaman nelayan asing di perairan sebelah Pantai Timur, ialah berkenaan

dengan musim tengkujuh, pada musim monsun. Didapati pada musim ini terlalu banyak bot-bot nelayan asing ini yang masuk ke perairan kita yang meneroka sumber hasil kita dan mendarat di pulau-pulau kita. Jadi pada masa yang lepas, pada musim tengkujuh, saya mendapat faham rondaan ini tidak begitu dapat dilaksanakan kerana kekurangan kapal-kapal besar. Sekarang ini kita mengadakan rondaan secara bersepadu di antara Angkatan Laut, Polis Marin dan juga pihak Perikanan, kalau tidak salah saya. Adakah rondaan yang bersepadu macam ini akan diteruskan sehingga pada tahun yang akan datang meliputi musim monsoon sekarang?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, dalam musim tengkujuh terdapat banyak bot-bot asing yang menceroboh perairan negara kita. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, pada waktu sekarang ini 'Operasi Samudra Gagah' yang dikendalikan oleh Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Pasukan Perikanan Laut dan juga Polis Laut sedang dijalankan dan hasilnya 4 buah bot asing telah pun ditangkap. Insya Allah, jika hasilnya amat berkesan, kita akan teruskan rondaan-rondaan seperti ini di waktu musim tengkujuh pada tahun-tahun yang akan datang.

PERKHIDMATAN BIMBINGAN DAN KAUNSELING

5. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan semua sekolah sekarang tidak mempunyai bilik khas kaunseling sedangkan ianya sesuatu yang mustahak dalam pendidikan moden, adakah Kementerian bercadang hendak mengadakannya

bila bangunan-bangunan sekolah baru didirikan atau bila bangunan-bangunan tambahan dibuat.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar peri mustahaknya perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam pendidikan umum. Semua sekolah menengah telah diarahkan mengubahsuai bilik serbaguna yang ada di sekolah-sekolah untuk dijadikan Bilik Bimbingan dan Kaunseling. Sehingga ini sebahagian besar sekolah menengah telah dapat menyediakan kemudahan ini.

Kementerian Pelajaran memang ada rancangan untuk menyediakan Bilik Bimbingan dan Kaunseling dalam pembinaan sekolah-sekolah yang baru di masa akan datang, tetapi pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keadaan kewangan negara kita.

LPN—KEROSAKAN BERAS

6. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah sebenar beras yang telah rosak di kompleks-kompleks LPN di Kedah, Seberang Prai, Tanjung Karang dan Kelantan dalam tahun 1983 dan 1984;
- (b) adakah benar seperti kenyataan Ketua Pengarah LPN sebab utama kerosakan itu ialah kerana LPN sendiri membeli padi yang sudah rosak. Jika benar, apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan kadar pembelian padi yang rosak oleh pihak LPN dapat dikurangkan;
- (c) apakah LPN mempunyai satu rancangan yang berkesan bagi menyediakan lebih banyak lagi pusat-pusat pengeringan yang

dapat menampung kelebihan pengeluaran padi dengan kemampuan LPN sendiri; dan

- (d) apakah langkah Kementerian untuk memastikan bahawa kerosakan beras yang berlaku tempoh hari itu adalah satu perkara yang tidak langsung melibatkan penyelewengan dari segi urusaniaga LPN dengan saudagar-saudagar beras.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya itu telah pun dijawab.

PROJEK PEMBINAAN KAMPUS AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA DI BACHOK

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah projek pembinaan kampus Akademi Islam Universiti Malaya di Bachok telah ditunda. Kalau benar, nyatakan sebab-sebabnya dan bilakah pula akan dilaksanakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar projek pembinaan kampus Akademi Islam Universiti Malaya telah ditunda. Sebenarnya projek ini dijalankan secara berperingkat.

Antara kerja-kerja yang telah dan sedang dilaksanakan itu ialah:

- (1) Kerja memasang pagar sedang dibuat dan dijangka siap pada akhir tahun 1984.
- (2) Pelan induk kampus Akademi Islam ini telah disediakan oleh Tetuan Arkitek Hasheda & Associates Sdn. Berhad; dan
- (3) Pelan lengkap bangunan-bangunan sedang disediakan.

Sekiranya keadaan kewangan negara mengizinkan, tawaran untuk projek ini akan dipanggil pada tahun 1985.

**PINJAMAN MARA
KEPADA PERIBUMI
DI SABAH**

8. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan semenjak tahun 1976 hingga 1983 berapakah jumlah wang pinjaman yang telah diluluskan kepada peribumi di Sabah oleh MARA. Berapakah jumlah hutang yang belum dibayar setakat ini. apakah sebabnya mereka enggan membayar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1976 hingga 1983, MARA telah mengeluarkan pinjaman kepada 2,543 usahawan bumiputera Sabah berjumlah sebanyak \$12,094,006.59. Dari jumlah ini seramai 2,121 masih mempunyai baki berjumlah \$6,383,487 pada 31hb Disember, 1983. Dari jumlah yang dikeluarkan sebanyak \$11,187,231 telah dapat dikutip oleh MARA dan bayaran balik yang dibuat oleh peminjam-peminjam. Pinjaman-pinjaman ini terbahagi kepada tiga skim di bawah rancangan pinjaman MARA. Skim-skim tersebut adalah seperti berikut:

Pinjaman am yang terdiri dari sektor-sektor seperti perdagangan, pembuatan, pembinaan perkhidmatan dan pengangkutan. Yang kedua, pinjaman rancangan usahawan baru iaitu untuk usahawan-usahawan bumiputera yang baru muncul di bidang perusahaan dan perniagaan terutama sekali di bidang perusahaan yang bercorak teknikal dan pembuatan. Ketiga pinjaman khas

iaitu pinjaman kepada peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil bumiputera.

Pembahagian ke atas pengeluaran pinjaman-pinjaman tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Pinjaman am telah dikeluarkan kepada bumiputera Sabah dari 1976 hingga 1983 iaitu seramai 1,210 orang usahawan dengan jumlah wangnya sebanyak \$9,733,095.
- (2) Pinjaman rancangan usahawan baru telah dikeluarkan kepada bumiputera Sabah seramai 12 orang usahawan dengan jumlah wangnya sebanyak \$197,511.
- (3) Pinjaman khas pula kepada seramai 1,321 orang peniaga-peniaga kecil di Sabah yang telah mendapat kemudahan di bawah skim ini dapat jumlah wangnya sebanyak \$2,163,400.

Keadaan bayaran balik dan peminjam-peminjam sekarang ini adalah beransur baik. Mereka bukan enggan membuat pembayaran tetapi mereka membuat pembayaran lambat dan tidak mengikut seperti mana yang telah dijadualkan oleh MARA mengikut Surat Perjanjian pinjaman mereka.

Perkara-perkara ini berlaku adalah disebabkan beberapa faktor termasuk:

- (1) Perniagaan yang dijalankan oleh mereka kurang mendapat sambutan dari orang ramai disebabkan keadaan tempat perniagaan mereka tidak berada di tempat yang sempurna dan menarik;
- (2) Mereka masih baru berusaha menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan untuk mendapatkan pengeluaran di samping mencari rezeki.

- (3) Keadaan kemelesetan ekonomi dunia sekarang juga menjejaskan perniagaan mereka.
- (4) Mereka kurang di dalam pengalaman dan pengetahuan di bidang perniagaan yang diterokai.
- (5) Perhubungan jalanraya yang jauh dan tidak baik dari tempat perniagaan mereka dengan Pejabat-pejabat MARA menimbulkan kesulitan dan kesukaran bagi peminjam-peminjam untuk pergi membuat bayaran kepada MARA tiap-tiap bulan.

Kesukaran yang dialami oleh mereka adalah dari segi jarak jauh perjalanan yang akan memakan masa setengah hari ataupun satu hari.

Selain dari itu tambang kenderaan dan makan minum yang tinggi telah menjadi beban kepada peminjam-peminjam untuk berulang alek ke Pejabat MARA sekiranya dilakukan setiap bulan. Walau bagaimanapun MARA sedang berusaha untuk memulih keadaan dan kesulitan yang dihadapi oleh peminjam-peminjam setakat mana yang boleh. Bagi mengatasi peminjam-peminjam yang kurang berpengetahuan dan pengalaman di bidang perniagaan, MARA telah dan sedang berusaha mengadakan kursus-kursus perniagaan dan khidmat nasihat. Bagi urusan kutipan pula MARA telah mewujudkan jawatan Pengutip Hutang (Bill Collector). Pengutip Hutang ini akan pergi ke tempat-tempat peminjam untuk mengutip hutang bagi pihak MARA.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan masalah pinjaman MARA ini, ada setengah peminjam-peminjam MARA

misalnya kepada satu orang meminjam lebih kurang \$40,000 dan membuat perlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pertanyaan ini dipertanyakan di Sabah. Jangan buat am pula.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Ini ada kaitannya dengan MARA juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ialah, tetapi pertanyaan ini ialah berkenaan dengan pinjaman di Sabah.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Minta maafilah.

SEWA RUMAH— MENAIKKAN KADAR

9. Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sikap setengah-setengah penyewa rumah di negara ini sama ada di bandar atau di luar bandar begitu ghairah menaikkan kadar sewa rumah mereka mengikut sesuka hati sahaja terutama di kawasan-kawasan yang sukar mendapat rumah-rumah sewa. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu Akta mengawal kenaikan sewa-sewa rumah di negara ini bagi melindungi pengguna-pengguna yang terpaksa menyewa rumah di sesuatu kawasan itu, dan
- (b) jika tidak, apakah jalan keluar yang berkesan untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh mereka yang berpendapatan kecil dan pelajar-pelajar atau mereka yang bertugas jauh dari tempat tinggal atau kampung halamannya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu tidak begitu jelas dan mengelirukan kerana perkataan 'penyewa rumah'. Mungkin Yang Berhormat bermaksud 'tuan punya rumah'. Jika Yang Berhormat bermaksud tuan punya rumah, memang Kementerian saya sedar bahawa perkara ini berlaku, Kerajaan mengelakkan perkara ini berlaku, ia bercadang membina lebih banyak rumah dan rumah pangsa supaya membolehkan orang-orang berpendapatan rendah menyewanya atau membelinya. Buat masa sekarang Akta Kawalan Sewa 1966, adalah dikaji oleh Kementerian saya dengan keseluruhannya.

- (b) Bagi mereka yang berpendapatan kecil atau berpendapatan rendah, Kerajaan sememangnya telah menyediakan rancangan perumahan awam kos rendah untuk membantu mereka mengatasi masalah perumahan selain daripada mengenakan syarat kepada pemaju perumahan untuk membina sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah rumah sebagai rumah kos rendah. Bagi pelajar-pelajar pula pihak institusi-institusi pelajaran telah pun menyediakan asrama-asrama dan flat-flat bagi mengatasi masalah tempat tinggal bagi mereka.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa Kementerian beliau sedang mengkaji Akta Kawalan Sewa. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada kajian atas Kawalan Sewa ini diumumkan kepada orang ramai supaya boleh mendapat maklum balas tentang Akta Kawalan Sewa ini dan di

samping ini suka saya mendapat tahu juga sama ada Kementerian yang berkenaan telah membentangkan kajian ini kepada Kabinet. Sekiranya ini telah dibuat, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu tentang hasil kajian ini.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang telah dibuat atas Akta Kawalan Sewa pada beberapa tahun dahulu oleh Jawatankuasa telah siap dan telahpun dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Kajian ini walau bagaimanapun masih memerlukan beberapa aspek yang dikaji lagi sekali dan perkara ini sedang dibuat dan akan dikemukakan lagi sekali kepada Jemaah Menteri. Selepas keputusan dibuat oleh Jemaah Menteri, perkara ini akan ditimbang untuk diumumkan kepada orang ramai.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah garis panduan kepada mereka yang ada mempunyai milik rumah yang akan diberi sewa tentang had harga sewa sebagaimana yang dibuat oleh kebanyakan negara-negara, iaitu kadar sewa adalah ditetapkan daripada tahun sekian ke tahun sekian. Jadi daripada panduan-panduan inilah dapat dipegang oleh pemilik-pemilik rumah untuk dikenakan kadar sewa itu. Tidakkah mengikut hati atau mengikut pandangan diri mereka sendiri, iaitu ada mempunyai panduan. Oleh itu adakah Kerajaan kita membuat panduan-panduan ini diberi kepada pemilik-pemilik rumah.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, Kerajaan tidak memberi panduan-panduan tentang harga sewa ataupun menentukan kadar sewa terhadap bilik-bilik atau rumah-rumah yang tuan rumah ingin menyewakan. Tetapi

adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengurangkan sewa rumah itu dengan membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah melalui agensi-agensi Kerajaan dan Kerajaan sendiri supaya sewa itu dapat dikurangkan dengan orang-orang persendirian dapat membeli atau menyewanya.

Kerajaan juga berharap dengan bertambahnya rumah-rumah kos rendah, bertambahnya rumah-rumah di bandar dan juga di luar bandar, kadar sewanya akan dapat dikurangkan.

Tuan Omar bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenaikan kadar sewa rumah ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa satu daripada sebabnya sewa rumah naik ialah kerana kegiatan spekulasi ejen-ejen perumahan dan sekiranya benar, saya ingin mendapat tahu sama ada dalam perancangan Kerajaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada diwujudkan satu sistem untuk mengawal ejen-ejen perumahan ini dan adakah Kerajaan melalui Jabatan Perumahan Negara bercadang untuk mewujudkan satu unit yang fungsinya sama dengan khidmat yang diberikan oleh ejen perumahan tetapi tidak bermotifkan keuntungan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang ejen-ejen perumahan memberi satu perkhidmatan yang berguna, tetapi memang ada ejen-ejen yang menyalahgunakan perkhidmatan itu sehingga mereka membuat spekulasi dan menaikkan kadar sewa. Walau bagaimanapun, sehingga sekarang Kementerian belum lagi menerima apa-apa aduan yang tertentu terhadap mana-mana ejen yang telah membuat spekulasi untuk menaikkan kadar sewa dan jika ada mengemukakan bukti-bukti atau aduan-aduan mengenai perkara ini, kita akan

menimbangkan keperluan untuk mewujudkan suatu unit bagi mengatasi masalah ini.

PTD—KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI BUKAN MELAYU

10. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa aspek-aspek kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang bukan Melayu yang tidak ramai di dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) adalah teruk dan beberapa jawatan adalah hampir tertutup kepada mereka, misalannya, di Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Kenaikan Pangkat dan Penempatan; dan bahawa bukan Melayu di Jabatan ini adalah didapati kebanyakannya di bahagian-bahagian yang kurang penting seperti pencen, gaji dan elaun yang tiada kesan atas kemajuan kerjaya seorang PTD dan bolehkah Yang Berhormat Menteri meneliti ke dalam masalah ini dan mengarahkan bahawa kenaikan pangkat seharusnya kepada merit seseorang individu dan bukan atas kaum.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak membezakan layanan mengikut kaum dalam hal perkhidmatan termasuk kenaikan pangkat.

Dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, faktor yang akan menentukan kejayaan seseorang calon itu adalah bergantung kepada kebolehan atau merit seseorang pegawai itu. Untuk tujuan ini kebolehan seseorang pegawai itu akan ditentukan mengikut kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya dan sifat-sifat peribadi

termasuk keutuhan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

Bersabit dengan proses penempatan pula, Kerajaan menganggap semua jawatan awam sebagai jawatan penting kerana ia diwujudkan untuk menjalankan dasar-dasar Kerajaan. dalam hal ini tidak timbul jawatan penting dan jawatan kurang penting. Penempatan seseorang pegawai kepada sesuatu jawatan adalah bergantung kepada kesesuaian pegawai itu sama ada dari segi gred, kelulusan dan pengalaman yang telah diterimanya.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa kenaikan pangkat di antaranya berdasarkan kecekapan, keutuhan peribadi dan kebolehan. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bagaimanakah Kerajaan menentukan sifat-sifat yang dikehendaki dalam kenaikan pangkat itu kerana apa yang difahamkan hanya bergantung kepada laporan-laporan daripada Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Jabatan ini di antara satu bahagian dengan bahagian yang lain sudah tentulah tidak dapat memberi laporan yang seimbang jika dibandingkan antara seorang dengan seorang yang lain?

Datuk Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sistem penilaian untuk menentukan merit ini tidak boleh lari diperbuatkan oleh suatu pihak dalam hal ini iaitu Ketua Jabatan. Sudah tentu Ketua Jabatan merupakan orang yang paling layak untuk menilaikan pegawai-pegawai untuk kenaikan pangkat, tanpa kita berbuat demikian sudah tentu kita akan sentiasa meragu-ragukan siapa yang akan menentukan hal merit untuk kenaikan pangkat ini.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apabila berlakunya diskriminasi terhadap seseorang pegawai dalam aspek kenaikan pangkat, ke manakah pegawai itu boleh meminta pembetulan (redressal)?

Kedua, jika seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, Kerajaan menganggap semua seksyen ataupun Jabatan dalam perkhidmatan adalah sama penting, jadi adakah Kerajaan bercadang untuk menempatkan pegawai-pegawai sedemikian cara supaya kebanyakan Jabatan atau seksyen akan mencerminkan adanya pegawai-pegawai dari semua kaum? Terima kasih.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mengamalkan diskriminasi, tetapi sekiranya seseorang pegawai itu merasakan bahawa dia telah didiskriminasikan dalam proses seperti kenaikan pangkat dan pertukaran ini, dia bolehlah merayu, yang pertama dengan membuat surat melalui Wakil Rakyatnya kepada Menteri dan kita boleh menimbang. Jadi sekali lagi saya hendak katakan dalam segi proses pelaksanaan dan cara kita mentadbir tidak ada diskriminasi yang diwujudkan, cuma kita merasakan kaedah diskriminasi yang timbul ini terpulang kepada takdir.

Saya mengatakan bahawa semua jawatan di dalam Kerajaan sama penting oleh kerana tidak ada seseorang pegawai khususnya dalam bidang pentadbiran yang kekal membuat kerja yang sama, kerana dari masa ke semasa suatu pegawai akan ditukar daripada satu Jabatan ke Jabatan yang lain. Dan dalam hal ini sekiranya kita membuat kumpulan pegawai yang penting dan kumpulan yang kurang penting, maka dari segi

syarat-syarat pun sudah tentu kita akan mewujudkan beberapa hal yang boleh mengelirukan. Seperti yang kita ketahui syarat-syarat perkhidmatan adalah terkandung dalam General Orders yang melibatkan semua pihak.

Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan sekiranya semua jawatan penting, jadi dia hendakkan semua Jabatan menggambarkan tidak adanya perbezaan daripada kaum. Sebenarnya yang saya tahu di semua Kementerian kita memang menggambarkan bahawa semua pegawai-pegawai daripada berbilang kaum ada berkhidmat, jadi saya kurang faham masalah kedua yang disebut oleh Ahli Yang terhormat tadi.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu salah satu kriteria untuk kenaikan pangkat ialah penilaian terhadap hasil kerja iaitu berdasarkan kepada merit.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri format penilaian kerja yang dipakai dalam Perkhidmatan Awam sekarang ini telah dipakai begitu lama, mungkin dikaji semula, tetapi tidaklah format yang ada ini telah pun 'out-of-date' dan tidak lagi mencerminkan hasil kerja ataupun nilai, merit dan kualiti seseorang pegawai yang dikehendaki untuk mengendalikan pentadbiran negara di zaman yang moden ini dan untuk memenuhi keperluan pada masa yang akan datang, adakah format ini akan dinilai semula dan kalau dinilai semula bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sedikit perkara pokok tentang exercise ini? Terima kasih.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, format untuk menilai seseorang pegawai ini secara peralatan sahaja kerana dia

bukan merupakan satu peperiksaan untuk kita meneliti tiap-tiap syarat yang ada di dalam format itu. Penilaian ini berpandu sahaja kepada format, tetapi sudah tentulah seorang Ketua Pejabat itu dikehendaki mengenal pegawai-pegawai yang ada di bawahnya. Jadi dalam dia membuat pertimbangan menentukan merit, unsur luar daripada format ini juga diambilkira dan dia juga akan menilai dan merujuk sama Jawatankuasa Kenaikan Pangkat untuk ditentukan bahawa penilaian (assessment) yang dibuat itu betul-betul tepat. Jadi sama ada format yang sekarang ini out-of-date atau tidak, saya ingin menyatakan bahawa format yang kita laksanakan sekarang ini memang dari masa ke semasa telah dikaji dan diperbaharui dan untuk ini kita menganggapnya sebagai sesuai untuk kita membuat penilaian dari segi merit ini.

KEBUDAYAAN NASIONAL— PENGENALAN

11. Tuan Ling Sie Ming: minta Menteri Pelajaran memberi butir-butir lanjut mengenai pengenalan Kebudayaan Nasional sebagai salah satu subjek dalam sukatan pelajaran sekolah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, pengenalan Kebudayaan Nasional memang diberi penekanan di dalam kurikulum sekolah oleh kerana ia dapat memberi pengetahuan serta menimbulkan minat terhadap Kebudayaan Nasional negara ini, di samping itu ia dapat mengenalkan keperibadian kebangsaan dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat. Walau bagaimanapun, Kebudayaan Nasional tidak diajar sebagai mata pelajaran, sebaliknya aspek-aspek Kebudayaan Nasional diserapkan dalam pengajaran kebanyakan mata pelajaran di peringkat sekolah rendah,

khususnya dalam alam dan Manusia, Pendidikan Seni, Muzik, Pendidikan Moral dan Pendidikan Jasmani.

Di peringkat sekolah menengah pula, ianya diajar melalui mata pelajaran seperti Sejarah, Sivik dan Bahasa. Selain dari itu, aspek-aspek Kebudayaan Nasional juga diajar di sekolah melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum seperti Kelab-kelab dan Persatuan Pertubuhan Pakaian Seragam dan juga Sukan. Semua murid dikehendaki melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ini.

KEWARGANEGARAAN— MELUCUTKAN

12. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menimbang semula syor Kerajaan untuk melucutkan kerakyatan 7,000 orang warganegara.

Tuan Radzi bin Syeikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan sedang menyiasat dengan teliti setiap kes daripada 6,690 kes yang melibatkan pelucutan taraf kewarganegaraan Malaysia daripada mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tertentu mengikut perkara-perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia. Kerajaan tetap akan melucutkan taraf warganegara mereka yang terlibat ini oleh kerana mereka telah tidak taat setia kepada Raja dan Negara, sebaliknya mereka telah mempermainkan taraf warganegara Malaysia dengan melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Perlembagaan Malaysia yang dianggap satu-satunya kesalahan yang serius dan perlu diambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang terlibat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sekiranya ada rakyat kita yang tidak

senang tinggal dalam negara kita dan kerana tak demokratik ataupun tak puas hati dengan Kerajaan kita, dia ini bercadang dengan rela hati untuk menyerah kerakyatan dia, jadi apakah cara dan prosedurnya. Dan, adakah Kerajaan kita boleh menahan ataupun dengan rela hati, lepas begitu sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan soalan itu, tak terbangkit.

INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH—PENGELUARAN GETAH TIRUAN

13. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Perusahaan Utama memberi butir-butir lanjut mengenai cadangan Institut Penyelidikan Getah untuk mengeluarkan getah tiruan dan apakah tindakan seumpamanya itu tidak akan menjejaskan pengeluaran getah asli negara kita.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Institut Penyelidikan Getah Malaysia tiada mempunyai cadangan untuk mengeluarkan getah tiruan.

IMBANGAN PERDAGANGAN

14. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah imbalan perdagangan negara kita akan merosot dalam jangkamasa setahun dua ini. Jika benar akan berlaku, apakah tindakan awal diambil untuk memastikan bahan-bahan mentah dan hasil-hasil negara kita akan tetap mendapat pasaran luar yang tinggi dan menguntungkan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prospek bagi mendapatkan imbalan

perdagangan negara yang lebih baik dalam jangkamasa setahun dua ini adalah cerah. Dengan kenaikan yang lebih pesat dalam eksport berbanding dengan import, adalah dijangkakan bahawa Malaysia akan memperolehi lebih perdagangan yang besar berjumlah \$4,726 juta dalam tahun 1984. Pada tahun 1985 pula, perdagangan luar negara adalah diramal akan berkembang secara sederhana dan imbalan perdagangan dianggar akan mencatatkan lebih sebanyak \$5,938 juta.

Meskipun begitu, Kerajaan, khususnya Kementerian saya akan terus berusaha untuk memastikan bahan-bahan mentah dan hasil-hasil keluaran negara akan tetap mendapat pasaran luar yang tinggi dan menguntungkan negara. Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan eksport barang-barang Malaysia ke pasaran luar negeri adalah meliputi usaha-usaha di peringkat hubungan perdagangan dua hala dan berbagai hala serta di peringkat kerjasama perdagangan serantau. Langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (1) menggalakkan eksport barang-barang keluaran Malaysia, terutamanya barang-barang perkilangan. Kegiatan galakan eksport ini dijalankan melalui pejabat-pejabat perdagangan yang terletak di pusat-pusat perdagangan utama di luar negeri. Di samping itu, Kementerian saya juga menghantar rombongan perdagangan dan menyertai pameran perdagangan di pasaran tertentu di luar negeri. Penghantaran rombongan dan penyertaan dalam pameran perdagangan akan meliputi pasaran tradisi di negara-negara maju dan pasaran baru di negara-negara membangun seperti Asia Barat, Amerika Latin dan Republik Rakyat China;

- (2) menyertai di dalam rundingan dan persidangan anjuran agensi-agensi ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, yang berusaha untuk mewujudkan suasana yang sesuai bagi meningkatkan perdagangan antarabangsa. Di sini Malaysia akan terus meminta negara-negara maju membuka pasarannya dan menghentikan amalan perlindungan; dan
- (3) memperkenalkan dan menggalakkan eksport secara "counter trade", terutamanya dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran wang asing seperti negara-negara Eropah Timur dan negara-negara di mana Malaysia mengalami defisit dalam imbalan perdagangan. Amalan "counter trade" ini juga diperkenalkan dengan syarikat-syarikat luar yang mendapat tender menjalankan projek-projek pembangunan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya melalui langkah-langkah ini akan dapat memastikan barang-barang keluaran kita akan terus mendapat pasaran luar yang tinggi dan menguntungkan negara dan seterusnya mengukuhkan lagi imbalan perdagangan negara.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Barangan-barangan negara kita didapati kita jual ke negara-negara yang termaklum, kemudian didapati negara komunis beli pula barangan kita kepada negara yang kita jual barangan kita ini. Adakah tidak boleh kita jual secara terus kepada negara-negara komunis?

Yang kedua, barang-barang perdagangan di lain-lain negara didapati ada setengah-setengah barangan murah kerana mereka

menerima barang-barang buatan komunis masuk ke negara mereka, oleh itu disebabkan kerana ada perlawanan itu boleh dimurahkan barang-barang. Adakah kita, negara Malaysia telah ada menerima setengah-setengah daripada barangan-barangan negara komunis dijual di negara kita ataupun ada Kerajaan bercadang untuk menerima barang-barangan komunis di masukkan ke negara kita?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan pertama, memang boleh cadangan perdagangan terus ke negara komunis.

Mengenai soalan yang kedua, memang ada perdagangan negara kita dengan negara komunis.

KEMENTERIAN KEHAKIMAN— PERANAN DAN AKTIVITI

15. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah tujuan utama bagi membentuk Kementerian Kehakiman serta apakah peranan dan aktiviti-aktiviti pihak Kementerian ini.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kementerian ini diwujudkan adalah untuk memberi khidmat sokongan dan bantuan kepada Jabatan-jabatan Kehakiman, Pemegang Amanah Raya, Pemegang Harta dan Biro Bantuan Guaman dalam segala pengurusan kewangan, pembangunan, personnel ataupun kakitangan, perancangan serta pentadbiran am.

Dengan wujudnya Kementerian ini ianya membolehkan pihak Kehakiman, iaitu Judiciary, dengan izin, menjalankan tugas dan fungsinya

sebagai satu elemen atau satu bahagian Perlembagaan yang bebas sepenuhnya menurut lunas-lunas undang-undang tanpa diganggu oleh masalah-masalah urusan pentadbiran, seperti yang telah disebutkan dan juga seperti yang telah saya huraikan semasa saya menggulung peruntukan bagi Kementerian saya tidak lama dahulu dalam persidangan ini.

Adapun peranan dan aktiviti-aktiviti Kementerian ini adalah seperti berikut:

- (i) mengkaji, menilai, memperkemas dan mempermodenkan sistem pentadbiran dan kewangan di Jabatan-jabatan di Kementerian ini;
- (ii) mengkaji dan memperakukan perubahan-perubahan peraturan dan prosedur pentadbiran untuk menambah produktiviti dan melicinkan urusan di Jabatan-jabatannya,
- (iii) membuat perancangan, pelaksanaan dan penilaian projek-projek bagi Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti pejabat-pejabat, bangunan-bangunan mahkamah dan lain-lain;
- (iv) merancang keperluan tenaga manusia yang mencukupi bagi Jabatan-jabatannya; dan
- (v) mempertingkatkan sistem keselamatan di mahkamah-mahkamah.

Adalah diharapkan dengan adanya kesungguhan menjalankan peranan dan aktiviti-aktiviti ini, Jabatan-jabatan di Kementerian ini akan dapat menumpukan lebih tenaga, masa dan kepakaran masing-masing untuk memberikan khidmat kepada rakyat dan negara dengan lebih cekap, bermutu dan berkesan.

KAWASAN KUDAT, SABAH

16. Tuan Newman Gaban minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kawasan Kudat di Sabah akan diberi bantuan kewangan khas dan lumayan dan juga perhatian berat dari Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan infrastruktur dan projek-projek daya-pelaburan, memandangkan bahawa kawasan Kudat telah dikenalpasti oleh Kerajaan Persekutuan sebagai kawasan yang miskin sekali dari segi taraf hidup rakyat di seluruh Malaysia.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya kawasan Kudat adalah merupakan salah satu daripada kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Persekutuan sebagai kawasan yang miskin dari segi taraf hidup penduduknya. Oleh itu adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membangun dan memajukan setiap kawasan di negara ini lebih-lebih lagi kawasan-kawasan yang mundur yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi seperti Kudat di Sabah. Dalam hubungan ini usaha akan ditumpukan kepada pelaksanaan projek-projek yang mendatangkan faedah khususnya kepada mereka yang miskin. Selain daripada itu Kerajaan juga akan terus memberi perhatian dan peruntukan yang sewajarnya bagi mengadakan projek-projek infrastruktur, daya pelaburan, sosial dan lain-lain di kawasan mundur ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan berbalik semula. Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 3.

JALAN TAPAH/BIDOR

3. Tuan Ng Cheng Kuai (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerjaraya menyatakan memandangkan jalan raya yang tidak lurus terutama di Batu 26¼ dekat Tapah di mana sering berlaku kemalangan jalan raya yang dahsyat yang kadangkala meragut nyawa, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melurus serta melebarkan jalan di tempat itu.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan keadaan jalan raya yang dikatakan tidak lurus di Batu 26½ dekat Tapah di mana sering berlaku kemalangan jalan raya yang dahsyat. Kementerian saya telah menyiasat atas perkara ini dan didapati jalan raya ini, di Batu 26½ dekat Tapah itu adalah sebenarnya jalan yang lurus dan tidak terdapat berlaku kemalangan yang dahsyat di atas. Walau bagaimanapun, mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan jalan raya di Batu 37 dekat Tapah yang sememangnya terdapat selekoh di mana saya telah dimaklumkan seringnya berlaku kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya memangnya ada rancangan untuk melurus serta melebarkan jalan raya di batu 37 hingga 38, Jalan Tapah/Bidor. Kerja-kerja membuat reka bentuk jalan itu sedang dilaksanakan sekarang ini dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1985. Anggaran perbelanjaan kosnya ialah sebanyak lebih kurang \$3.5 juta. Apabila peruntukannya didapati kerja-kerja meluruskan jalan ini akan dilaksanakan dan adalah diharapkan kerja-kerja ini akan dijalankan dalam terus hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1983 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Ketujuh).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusi* Jawatankuasa)

Maksud B. 25 (Jadual)—

Maksud P. 25 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 25 dan Maksud Pembangunan P. 25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

3.36 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berhubung dengan masalah Kementerian Pertahanan iaitu dalam Maksud Pembangunan 25, Butiran (1) Tentera Darat (2) Tentera Laut dan (3) Tentera Udara.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap masalah yang pertama iaitu Tentera Darat mengenai Bahagian (1) Bangunan dan (2) Kelengkapan.

Di sini, Tuan Pengerusi, Angkatan Tentera sama ada Tentera Darat, Tentera Laut ataupun Tentera Udara adalah satu benteng yang sangat mustahak bagi pertahanan sesebuah negara. Dalam masalah Tentera Darat kita sedar bahawa Kerajaan khasnya Kementerian Pertahanan sedang berusaha untuk mengembangkan Angkatan Tentera yang berkebolehan sama ada dalam peperangan darat, laut ataupun udara tetapi bukanlah bertujuan untuk kita berperang dengan sesiapa. Ini adalah sebagai kata orang sebelum hujan sediakan payung. Tetapi yang menimbulkan beberapa masalah iaitu misalnya dalam Angkatan Tentera Darat masih banyak daripada kakitangan-kakitangan tentera khasnya kakitangan tentera yang berpangkat rendah yang mana kita sedar bahawa Angkatan Tentera ini tidak mempunyai kesatuan ataupun untuk mengadu hal melalui kesatuan seperti lain-lain kakitangan Kerajaan. Jadi Angkatan Tentera ada setengahnya terpaksa mengadu hal kepada Wakil-wakil Rakyat ataupun orang-orang yang tertentu.

Yang pertama masalah perumahan yang mana ramai daripada kalangan Angkatan Tentera kita yang mempunyai isteri dan anak-anak mereka masih menyewa rumah-rumah yang mana kita sedar bahawa peruntukan sewa rumah bagi seorang anggota tentera berpangkat rendah cuma di antara \$70 hingga \$100 sahaja yang mana dalam keadaan sekarang ini kita sedar misalnya di kawasan Kuala Lumpur di mana sewa sesebuah rumah yang mempunyai satu atau dua bilik yang berharga di antara \$200 kepada \$300 dan ada kalanya rumah-rumah setinggan sekalipun ada yang sewanya terlalu tinggi dan bagi seorang anggota tentera yang berpangkat rendah yang mana sewa rumah yang diberi oleh Kementerian Pertahanan cuma antara \$70 kepada \$100.

Mereka terpaksa pula menambahkan daripada pendapatan gaji mereka itu untuk membayar sewa rumah. Saya menyerulah, saya minta kepada Kementerian Pertahanan supaya membuat kajian semula berhubung dengan masalah sewa-sewa rumah kepada anggota-anggota tentera yang berpangkat rendah.

Selain daripada itu, masalah kebajikan angkatan tentera. Kita sedar sekarang ini Kementerian Pertahanan dengan sedaya upaya berusaha untuk mengatasi tetapi masih ada juga misalnya daripada kalangan tentera dalam angkatan tentera ini yang mana pelajaran menjadi satu masalah kepada anak-anak mereka. Misalnya, seorang anggota tentera berpindah atau bertukar dari Kuala Lumpur ke Taiping. Sampai ke Taiping mereka berkhidmat lebih kurang setahun atau dua tahun lepas itu berpindah ke tempat lain pula, misalnya ke Kota Bharu ataupun ke Johor. Ini pun satu masalah. Dari segi pelajaran anak-anak mereka itu terganggu kerana daripada satu sekolah ke satu sekolah berpindah hidup berpindah randah. Seolah-olah cerita dahulu, kita orang-orang asli kita yang hidup berpindah randah.

Saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertahanan supaya mengadakan, saya rasa telah ada tetapi tidak cukup supaya memperbayakkan sekolah-sekolah yang khas kepada anak-anak anggota tentera kita. Kita mesti jaga mereka ini betul-betul. Di manapun saya bercakap terus terang kita mesti memberi layanan yang sempurna kepada anggota angkatan tentera kerana anggota tentera inilah yang menjaga keamanan negara kita ini.

Saya sedar kita tengok sendiri kalau pergi ke kawasan Gerik, tidak tentu tidur bermandikan hujan, bermandikan panas. Kita sendiri

hidup dalam senang lenang, kita tidak rasa masalah ini. Pegawai tinggi kalau berpangkat General ataupun Major General ke atas mereka tidak masuk hutan, yang pergi operasi ke hutan itu ialah yang berpangkat Major ke bawah. Mereka inilah yang selalunya, ada kalanya bila masuk operasi dalam hutan dalam masa satu bulan misalnya balik ke kem lebih kurang seminggu masuk hutan buat operasi lagi.

Apa salahnya Kementerian mencari jalan supaya pihak angkatan tentera terutama misalnya dalam kumpulan Askar Melayu. Saya selalu menerima rungutan, mereka tidak ada masa kata orang hendak bersama dengan isteri-isteri mereka, maklum sahajalah. Itulah sebabnya kita tengok sekarang ini ramai daripada angkatan tentera kita apabila berkhidmat lebih kurang 10 tahun, sudah naik bosan, mereka hendak letak jawatan, berhenti. Kalau kita tengok semasa hendak pilih angkatan tentera 10 atau 15 tahun dahulu kalau kita ada hendak kutip ataupun hendak cari angkatan tentera, kita bengok berduyun-duyun anak-anak muda kita tampil ke hadapan untuk menyahut seruan negara. Tetapi pada hari ini contohnya misalnya di Kuala Kangsar, saya pergi tengok begitu kurang sekali minat dan menjadi satu masalah pula. Ada di antara tentera-tentera kita ini, ini untuk pengetahuan Kementerian Pertahanan ada pula di kalangan tentera yang mana mereka berkhidmat antara 10 atau 15 tahun menasihatkan pula kaum keluarga mereka supaya jangan menyertai angkatan tentera kerana kata setengah mereka itu lebih baik kita bekerja dalam kerja "civilian" ataupun bukan yang beruniform. Inipun satu masalah.

Saya berharap Kementerian Pertahanan supaya mengkaji macam mana cara hendak menarik anak-anak muda kita menyertai angkatan bersenjata kita. Kita takut pada satu hari Kementerian Pertahanan cuma

ada Kementerian sahaja tetapi kurang anggota-anggotanya sebagaimana yang kita sedar bahawa pada hari ini hendak mencukupi satu-satu battalion yang mana mengikut undang-undang tentera satu battalion ialah 1,000 orang tetapi pada hari ini kita tengok satu battalion tidak sampai 1,000 orang antara 700 ke 800. Inilah yang jadi satu masalah.

Selain daripada itu dalam Bahagian Logistik yang men "supplykan" sama ada pakaian ataupun lain-lain lagi kepada tentera. Kita tengok pada hari ini ramai daripada anggota-anggota tentera yang berungut masalah pakaian yang mana mereka terpaksa membiayai pakaian mereka, misalnya pakaian uniform mereka itu. Kita sedar Kementerian Pertahanan ada beri tetapi apabila mereka hendak menambahkan pakaian hendak beri elok sedikit, terpaksa mereka buat sendiri, perbelanjaan duit mereka sendiri. Begitu juga ada juga rungutan daripada pegawai-pegawai sendiri, pegawai-pegawai yang berpangkat seperti 2nd Lieutenant, Lieutenant dan Captain. Peruntukan yang diberi oleh Kementerian itu tidak memadai dengan harga uniform.

Saya berharap supaya Kementerian Pertahanan ini dari segi peruntukan mereka itu kita kena timbang betul-betul sebab kalau kita tidak jaga mereka ini, kita takut suatu hari angkatan bersenjata ini pula tidak begitu berminat, tidak berminat kata orang tidak ada bertenaga, tidak bersemangat untuk mempertahankan negara. Tetapi kita sedar ada setengah-setengah negara seperti di Indonesia misalnya, keadaan gaji kalau kita bandingkan dengan negara kita ini, gaji angkatan tentera kita ini lebih tinggi daripada kalangan angkatan bersenjata negar-negara ASEAN ini tetapi sebaliknya cara layanan itu kita lebih baik tetapi kita cari jalan supaya pihak Kementerian Pertahanan ini mencari jalan supaya

angkatan bersenjata menjadi satu angkatan yang benar-benar bersemangat, anggota-anggota tentera yang sanggup untuk mempertahankan negara, agama dan bangsanya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, masalah kelengkapan perang ataupun senjata-senjata bagi pasukan angkatan bersenjata kita. Kita selalu dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyebutkan bahawa angkatan bersenjata kita akan dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang sofistikated. Kita bersetuju dalam masalah ini, tetapi masih ada juga kadang-kadang sama ada disedari atau tidak disedari bahawa ada setengah kelengkapan-kelengkapan itu yang dibeli, ini kita kena jaga sedikit sama ada kita beli daripada Britain atau US ataupun mana-mana negara yang dia tunjuk, yang dia cuba bagi kita yang baik, tetapi apabila dihantar, kita beli dihantar sampai ke sini, bukannya jenis yang ditunjukkan yang asal itu. Kadang-kadang senjata itu, misalnya, kereta kebal mungkin yang kita tengok itu baik, bila sampai di sini, disapu cat elok, sebenarnya senjata-senjata itu pula, jenis kelengkapan itu mungkin yang second-hand yang telah dipakai oleh pihak-pihak mereka, cuma disapu cat elok, Itulah yang pihak Kementerian Pertahanan harus sedar. Saya percaya mereka sedar, tetapi di sebalik sedar itu kita takut peranan-peranan yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu yang kita harus, kita wajib jagai kerana wang rakyat yang kita curah kepada Kementerian Pertahanan pada tiap-tiap tahun beribu-ribu juta ringgit.

Kita tak mahu ada penyelewengan, kita tak mahu tuduh sesiapa, tetapi kita mahu yang mana Kerajaan pada hari ini mengamalkan dasar Bersih, Cekap dan Amanah, biarlah dasar itu diamalkan kerana kita lihat sekarang ini di dalam kalangan angkatan Maklum sahajalah, melalui orang

tengah, selalunya orang tengahlah yang menjadi "buaya darat". Merekalah yang kadang-kadang mensabotaj. Tujuan dan hasrat Kerajaan itu baik, hendak beli benda yang baik tetapi apabila sampai peringkat pembelian lain pula.

Contohnya, pada tahun-tahun sudah, beli senjata daripada Germany, beli senjata daripada Perancis, dihantarkan kereta perisai itu tetapi tak boleh dipakai. Saya tengok dengan mata kepala saya sendiri di tempat saya, kereta itu tak boleh dipakai tetapi luarnya bukan main cantik, disapu cat sangat cantik, kita tengokpun bersemangat. Tetapi dengar ceritanya kereta perisai itu tak boleh dipakai. Inilah yang menjadi masalah.

Tuan Pengerusi: Masa Ahli Yang Berhormat sudah cukup. Minta gulung.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Selain daripada itu, Tuan pengerusi, senjata-senjata yang kita beli biarlah benar-benar sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bahawa kita hendak beli senjata yang sofistikated. Biarlah benar-benar sofistikated. Kita tak mahu dengar bunyinya sahaja sofistikated.

Misalnya, kapalterbang Skyhawk. Kapalterbang Skyhawk itu sudah tidak boleh digunakan oleh Amerika, jadi kita kata benar sekarang tidak ada dogfight tetapi sekarang ini kalau kita pakai Skyhawk yang telah dipakai oleh pihak tentera udara Amerika 10-15 tahun yang sudah, itu sudah out-dated, sudah diletakkan di Padang Sahara, Texas atau Nevada di Amerika. Kemudian pula kita pergi beli senjata itu. Diubah suai dan sebagainya. Jadi apakah ertinya itu? Kita kadang-kadang berasa malu, kita tengok negara Singapura beli senjata, semuanya baik-baik belaka, tak ada

yang second-hand, beli yang baik, direct terus. Negara kita belanja kadang-kadang kita hendak ekonomi sangat. Kaedahnya apabila hendak ekonomi itulah yang menyebabkan jadi rosak.

Itulah sedikit sebanyak, Tuan Pengerusi, berhubung dengan masalah Kementerian Pertahanan yang saya sebutkan tadi. Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 1985.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

3.58 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya menyentuh pada Maksud B. 25, Butiran 1 dan 2, program Pentadbiran Pertahanan dan Perkhidmatan Tentera.

Tuan pengerusi, anggaran bagi Kementerian Pertahanan ialah \$2,270,000,000 dalam Akta Perbekalan, 1985. Angka ini adalah kecil jika dibandingkan dengan anggaran perbelanjaan negeri-negeri lain dalam rantau ini.

Tuan Pengerusi, bahaya serangan berpunca dari apa yang sedang berlaku sepanjang sempadan Kampuchea-Thai tak boleh dianggap sebagai perkara kecil. Vietnam mengalahkan Perancis dan juga ada nama harum apabila menghalau keluar Amerika dari Vietnam. Serangan Tet ada lagi dalam ingatan kita, semangat dan bersatuhati perjuangan Vietcong tidak boleh dikesilkan.

Apa yang kami mesti ambil perhatian ialah bukan sahaja bahaya dari Vietnam Selatan tetapi juga dari Vietnam keseluruhannya, termasuk Vietnam Utara yang didukung oleh Russia yang siap sedia membuat serangan.

Sumber-sumber asli Malaysia akan menarik hati bakal penyerang. Pada hari Ahad lalu kereta kebal Vietnam menyerang kapal tentera Kampuchea dan ini ialah satu semboyan serangan awal dalam musim kering mengikut pegawai-pegawai tentera Thai. Serangan Vietnam atas Kampuchea pada akhir tahun 1978 seharusnya menjadi tanda-tanda Vietnam mempunyai cita-cita besar dalam rantau ini. Negeri Thai sahajalah besi penahan selepas Kampuchea bagi negeri kita, tetapi kita jangan mengecilkan perangai negeri Thai dalam Perang Dunia Kedua, dalam tempoh mana negeri itu membenarkan tentera Jepun serang Malaya menerusi pintu gerbang negeri Thai dengan syarat Jepun tidak membuat kedudukan dalam negeri Thai itu. Perkara ini jangan dikecilkan walaupun negeri Thai ahli pakatan Asean.

Tuan Pengerusi, apa yang mustahak kita mesti adakan angkatan tentera kita yang kuat, bersatu-padu dan diberi syarat perkhidmatan adil dan patut. Sebagai balasan bagi soalan saya dalam Dewan ini pada 9hb November tahun ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan tidak benar ada polarisasi ethnik dalam kalangan perkhidmatan sivil dan angkatan tentera bercanggah dengan kenyataan Dato Raymond Navaratnam, Timbalan Ketua Setiausaha dalam Kementerian Kewangan dalam bulan Ogos tahun ini iaitu polarisasi ethnik kekal dalam perkhidmatan awam dalam negeri ini. Langkah-langkah, jika tidak diambil untuk mengecuali dasar-dasar perkauman dari langkah-langkah kenaikan pangkat perkhidmatan awam tidak akan naikkan mempunyai daya pengeluaran ke tahap maksima. Prestasi dalam kalangan bukan bumiputera dalam perkhidmatan sivil menyekat mereka.

Tuan Pengerusi, di laporan Dato' Raymond Navaratnam menyatakan

dalam satu seminar iaitu mutu perkhidmatan telah merosot dalam tahun-tahun berlepas dan juga sekarang. Kemerosotan dalam kecekapan perkhidmatan sivil pada keseluruhannya adalah beransur-ansur bersenyap dan kadangkala tidak dinampak. Salah satu faktor ialah tinjauan ethnik yang membiak. Beliau juga menyatakan bahawa timbulnya perasaan berlainan dan alienasi bertingkat-tingkat dan bersektor-sektor termasuk alienasi dalam kalangan pegawai-pegawai awam mengikut dasar ethnik dalam kenaikan pangkat, jawatan penting dan peluang latihan. Tuan Pengerusi, Dato' Navaratnam menyatakan, kemerosotan itu hendak ditahan sebelum lagi. Apa yang dikatakan oleh beliau adalah benar.

Tuan Pengerusi, Angkatan Tentera itu juga dijangkit penyakit alienasi ethnics. Terdapat perbezaan antara pemimpin tertinggi bumiputera dan bukan bumiputera. Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan dalam Dewan ini angka-angka dalam hal ini. Kerajaan juga segan dalam hal mengambil bukan bumiputera dalam Angkatan Tentera. Apakah sebab Kerajaan segan? Kerajaan menolak seruan DAP untuk mengadakan kerahan bagi tentera dengan sebab-sebab Kerajaan tahu sendiri. Barangkali Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini memberitahu Dewan ini sebab-sebab kelakuan luar biasa Kerajaan dalam hal ini. Bagi kepentingan orang ramai, Kerajaan mesti memberi penjelasan atas orang yang serving now mengikut kaum Angkatan Tentera. Bukan bumiputera tidak boleh dianggap sebagai anak angkat oleh Kerajaan. Kerajaan tidak boleh selagi menaruh syak dan waham atas perkara jernih hati dan ketaat setiaan bukan bumiputera. Untuk mencapai suatu masyarakat bersatu padu dan saksama seharusnya Kerajaan kaji semula dasar-dasar

dalam bidang pertahanan ketenteraan. Bukan bumiputera seharusnya tidak boleh diberi gambaran mereka tidak ada tempat dalam Angkatan Tentera. Semangat disiplin yang boleh disiplin dalam Angkatan Tentera akan membawa faedah besar bagi negeri ini jika bukan bumiputera dilantik dalam Angkatan Tentera atas dasar beradil. Terima kasih, tuan Pengerusi.

4.04 ptg.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya turut membahaskan tajuk Kementerian Pertahanan, Maksud Bekalan 25—butiran 1 dan 2, yang mana saya ada dua perkara sahaja untuk bercakap pada petang ini tetapi apabila saya mendengar rakan saya dari Jelutong menyatakan ada perkauman dalam tentera, mula-mula di luar, dalam parti sekarang perkauman, di dalam tentera pula dihasutnya.

Perkara ini tentulah tidak betul, selain daripada itu dia menyeru katanya, DAP minta satu kerahan tenaga manusia. Kerahan manusia ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan telah melaksanakan pada tahun 1948 dahulu semasa darurat. Pendek kata, Kerajaan kita memang sukar untuk hendak mendapatkan selain daripada kaum bumiputera untuk berkhidmat di dalam semua lapangan tentera ataupun keselamatan. Ada yang lari balik ke China, balik ke India dan sebagainya. Pada hari ini dilaungkan lagi. Kita berasa curiga orang yang tidak hendak satu masa, hendak pula sekarang. Itu biarlah rakyat memikirkannya kehendak-kehendak DAP seperti itu.

Berkenaan dengan pentadbiran, pertahanan dan perkhidmatan tentera ini iaitu satu daripadanya ialah masa peralihan tentera itu hendak berhenti tidak cukup masa besarnya ataupun cukup masa besarnya. Mereka ini diberi latihan atau kursus menjadi

orang awam tetapi tidak ada selaras, seimbang selari. Kalau ada pun sedikit sangat. Saya nyatakan demikian, tentera ini ada diberi kursus berniaga diletak di kedai kecil dalam kampung itu. Kedai ini tidak tentu sama ada untung atau tidak, terduduklah tentera itu hendak menghabiskan masa bagi mendapatkan baki gajinya itu untuk menemui pesaraannya. Bila habis, dia pun mulalah mencari tempatnya sebagai jaga di lombong atau jaga di bank atau kedai emas.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, dia diberi latihan pertanian. Habis sahaja latihan pertanian selama enam bulan, dilepaskan begitu sahaja, tidak dibekalkan. Pergi berjumpa dengan pegawai di Pejabat Tanah; ini dia tanahnya untuk dipohon oleh pihak tentera kerana keutamaan ada kepada tentera itu. Disediakan tanahnya dan diberi alat-alat, potong daripada duit persaraannya ataupun beri subsidi, barulah ada berikutan, susulan atau follow-up.

Di sinilah saya rasa terkesal sedikit hati saya apabila mereka balik ke kampung, mereka menjadi driver bas. Walaupun dalam perkhidmatan mereka telah menjalani latihan atau kursus ini, selepas balik kampung jadi driver bas, bukan main laju, dia rasa membawa kenderaan tentera. Di manakah latihan? Latihan mereka di lain perkara, yang dibuat lain perkara. Lain bengkak, lain menanah.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah muka surat 130, Maksud Pembangunan 25—Butiran 1, Perbelanjaan Anggaran bagi tahun 1981-1985 berkenaan bangunan.

Bangunan, sebagaimana disentuh oleh rakan-rakan saya tadi memang menyedihkan. Saya beri satu contoh Tuan Pengerusi, di Tapah sana ada satu batalion askar iaitu batalion yang ke-25, ada begitu hebat tempat kem askar ini lengkap sebagai sebuah kem, tetapi satu bangunan pun tidak ada

untuk tentera ini. Bahkan pihak pemerintahan pun menyewa begitulah juga pegawai-pegawainya apatah lagi tentera-tentera biasa yang berpangkat dari Warrant Officer 1, Warrant Officer 2 dan hampir sampailah ke privatenya, mereka masih lagi duduk di Ipoh tempat lamanya, anak-anak isteri mereka di Batu Gajah. Maka apabila tentera ini hendak pergi di Tapah, berpusinglah lori-lori itu mengambil di Batu Gajah dan di Ipoh membawa ke Tapah. Bermakna di sini apabila mereka bertugas tentulah hati mereka teringat anak isteri jauh. Ini bukan masuk dalam hutan, itu memang lumrah sebagai seorang tentera. Tetapi dari bandar ke bandar pun, ini dikaji dari segi ekonominya. Pihak Kerajaan patut kaji ekonomi, membawa lori membawa tentera. Ada yang mereka terlambat ataupun mereka tidak jauh daripada kutipan lori-lori ini membawa motosikal, sudah beberapa orang accident bukan mati dalam perjuangan, mati dalam accident.

Tuan Pengerusi, inilah yang menyedihkan, patut sangatlah sebagaimana saya ada bercakap di dalam membahaskan Belanjawan dahulu supaya peruntukan-peruntukan Kementerian Pertahanan ini sebagaimana juga rakan saya daripada parti Pembangkang tadi patut digandakan lagi bagi pertahanan negara kita yang terlapang oleh musuh. Kita ini adalah Semenanjung, daripada utara lebih-lebih lagi, dari udara, daripada laut memang membahayakan. Jadi, yang mustahaknya selain daripada alat-alat kelengkapan sebagaimana dinyatakan oleh sahabat-sahabat saya ialah rumah tentera, bangunan yang disediakan hendaklah disegerakan agar tentera kita tidak merana dan kecewa hidup mereka di dalam tentera ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertahanan dan meminta supaya

ditambah lagi pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas. Minta pendekkan sedikit. Jangan panjang-panjang sangat.

4.12 ptg.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Pengerusi, saya akan bercakap sahaja.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan Maksud Bekalan 25—Kementerian Pertahanan di mana peruntukan yang dipohon ialah sebanyak \$2,700,000,000. Saya juga bersetuju bahawa peruntukan ini adalah terlalu kecil memandangkan keperluan bagi menjamin keselamatan negara kita ini adalah sangat penting dan mustahak. Kerana memandangkan kegiatan pergerakan Parti Komunis Malaya dan juga baharu-baharu ini ditubuhkan Parti Komunis Malaysia tidak pernah putus azam mereka untuk menumbangkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat atau dengan lain-lain perkataan menguasai negara kita. Di samping itu pergolakan yang berlaku di kawasan Asia Tenggara ini juga membimbangkan kita sepertimana dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi bahawa kegiatan Vietnam di Kampuchea ini juga membimbangkan itu. Oleh sebab itu, saya rasa walaupun pada hari ini pihak Kementerian ini telah mengadakan pertahanan yang difikirkan munasabah akan tetapi saya rasa bagi masa-masa yang ke hadapan ini patutlah perkara itu dilipatgandakan lagi.

Saya suka menyentuh dalam Butiran 1—Pentadbiran Pertahanan. Kita tahu, pada masa ini pihak Kementerian Pertahanan telah menempatkan angkatan-angkatan tentera kita di kawasan perbatasan iaitu

di Keroh dan juga di Gerik. Akan tetapi sebagaimana yang saya timbulkan di dalam soal lisan yang lepas bahawa adalah amat munasabah jika boleh difikirkan supaya satu pertahanan pelapis patutlah diadakan di kawasan Daerah Kecil Lenggong oleh kerana jika berlaku suatu kejadian yang tidak diingini maka bantuan-bantuan dapat segera dihantarkan. Dan selain daripada itu beberapa rondaan-rondaan bagi menyekat pergerakan komunis yang ditaksirkan lebih kurang 200 orang dalam negara kita dan ada 2,000 orang di Selatan Thailand supaya mereka tidak dapat mengadakan infrastruktur mereka bagi membolehkan pasukan-pasukan militan mereka masuk ke negara kita. Dengan menyekatkan pergerakan ini saya rasa adalah lebih munasabah kalau kita tempatkan satu company ataupun kalau boleh satu batalion di kawasan daerah kecil Lenggong supaya pergerakan-pergerakan mereka dapat disekat. Kita nampak pada masa-masa dahulu bahawa di kawasan daerah kecil Lenggong ini memanglah menjadi pusat kegiatan pasukan komunis yang telah bertapak umpamanya di kawasan Chengkat Berangan pernah berlaku beberapa kejadian membakar bas dan menahan lori-lori yang membawa barang-barang dan barang-barang itu di masuk ke dalam hutan. Sekarang ini saya rasa mereka ini demi untuk menjaga pergerakan dari segi mendapatkan kemudahan lojistik di kawasan ini mereka bertapak semula di kawasan-kawasan lama tetapi kegiatan kita tidak begitu cergas di kawasan ini kerana kita tidak ada satu penempatan askar yang tetap untuk membuat gerakan di kawasan ini.

Perkara yang kedua, sebagaimana yang sama-sama kita maklum bahawa kekuatan sesebuah angkatan tentera itu tidaklah bergantung kepada jumlah ramai anggotanya tetapi adalah lebih mustahak kepada ketahanan semangat, kecekapan, keberanian dan

kebijaksanaan tentang tipu muslihat peperangan. Oleh sebab itu saya rasa latihan-latihan yang akan dilakukan oleh angkatan tentera ini mestilah diseimbangkan di antara kekuatan atau ketahanan jasmani dengan ketahanan rohani. Oleh sebab itu kita berharap latihan-latihan peperangan ini hendaklah selalu diadakan dan ini juga tentu memerlukan perbelanjaan yang besar supaya anggota-anggota tentera kita sentiasa berada di dalam keadaan siap sedia bagi menghadapi sebarang ancaman.

Perkara yang ketiga, mengenai ketahanan rohani ini pada masa ini kita merasa sedih oleh kerana terdapat gejala-gejala yang boleh menjejaskan ketahanan jasmani dan rohani di kalangan angkatan tentera kita. Kerana terdapat sebilangan kecil anggota-anggota tentera kita yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Walaupun kumpulan ini tidak begitu ramai tetapi jika usaha-usaha mengawasi dan mencegahnya tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh ianya akan bertambah besar dan boleh membahayakan bukan sahaja keselamatan atau ketahanan Angkatan Tentera tetapi juga keamanan negara pada keseluruhannya.

Pada masa Belanjawan yang lepas saya telah menimbulkan juga perkara ini kerana terdapat askar-askar yang telah terlibat dengan dadah tindakan yang diambil pada waktu itu hanya memberhentikan mereka dan dihantar pulang ke pangkuan masyarakat. Apabila orang-orang ini balik ke pangkuan masyarakat tabiat penagihan dadah itu telah disebarkan pula ke dalam masyarakat dan ini menimbulkan masalah. tetapi hari ini saya berterima kasih kepada Kementerian Pertahanan kerana saya dengar sudah ada ura-ura untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi bertindak ke atas tentera-tentera yang terlibat dengan dadah ini. Kita

berharap jawatankuasa yang diketuai oleh seorang General ini akan dapat membuat kajian yang terperinci bagi mengesan dari mana sumber-sumber bekalan dadah itu dapat diserapkan ke dalam Angkatan Tentera dan langkah-langkah yang positif hendaklah diambil supaya dapat disekat penyeludupan dadah tidak dapat dimasukkan ke dalam Angkatan Tentera kita.

Selain daripada itu, kepada anggota-anggota tentera yang sudah terlibat, usaha-usaha pemulihan hendaklah dilakukan tidak hanya mesti dihantar balik ke kampung sahaja, supaya mereka ini apakala telah dipulihkan, dapatlah mereka ini diberikan kesedaran, keinsafan supaya mereka dapat hidup kembali di dalam masyarakat awam.

Oleh sebab itu kita berharap supaya Jawatankuasa ini dapat bekerjasama dengan badan-badan yang pada hari ini sedang bergerak mencegah penyalahgunaan dadah di negara kita ini seperti PEMADAM ataupun Pasukan Polis ataupun apa sahaja agensi-agensi yang ada yang mana mereka ini sudah tentu mempunyai banyak pengalaman berhubung dengan masalah dadah ini.

Saya rasa dengan kerjasama di antara Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Angkatan Tentera ini dengan pihak awam, tidaklah menjadi apa-apa masalah, kerana kedua-dua kumpulan ini mempunyai satu matlamat bagaimana dan cara mana kita hendak menentang dadah di dalam negara kita kerana dadah ini adalah merupakan musuh utama kepada negara. Kita telah melihat tentang kesan-kesan mereka yang terlibat dengan dadah ini adalah sungguh-sungguh membimbangkan negara dan bangsa kita, apatah lagi pula kepada mereka yang diamanahkan untuk mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Perkara yang kedua berhubung dengan latihan. Latihan-latihan dalam tentera ini seperti latihan-latihan kemahiran di mana pada masa dahulu untuk mendapatkan kemahiran ini Kerajaan kita terpaksa menghantar Angkatan-angkatan Tentera kita ke luar negeri seperti ke Indonesia, India, Canada, Amerika Syarikat dan sebagainya, tetapi Alhamdulillah, pada masa-masa kebelakangan ini pihak Kerajaan menerusi Kementerian Pertahanan telah merancang beberapa pusat-pusat latihan seperti Sekolah-sekolah Latihan Kejuruteraan Elektrik dan Jentera, Sekolah Semboyan, Sekolah Perkhidmatan dan Pengangkutan, Sekolah Kejuruteraan, Sekolah Latihan Perubatan Tentera, Pusat Latihan Penerbangan, Sekolah Latihan Trafik dan Bomba, Pusat Latihan Tentera Laut di-Raja dan juga Maktab Angkatan Tentera dan lain-lain lagi.

Di sinilah dapat kita memberi latihan-latihan yang berguna kepada Angkatan-angkatan Tentera kita supaya dapat dimanfaatkan kepada perkhidmatan tentera sendiri. Tetapi apa yang menjadi masalah, yang hendak saya timbulkan ini berkenaan dengan latihan-latihan yang diajarkan di sekolah-sekolah ini, seolah-olah kita nampak latihan-latihan di sini tidak setanding dengan latihan-latihan yang dibuat oleh swasta ataupun pihak Perkhidmatan Awam—seolah-olah, kerana bekas-bekas tentera yang keluar, yang berhenti berkhidmat dari tentera walaupun mereka telah mendapat pengalaman latihan-latihan kemahiran di pusat-pusat yang saya sebutkan tadi, tetapi bila mereka hendak berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam, mereka hanya diterima sebagai buruh mahir ataupun separuh mahir sahaja.

Oleh sebab itu, adalah munasabah pihak Kerajaan dapat mengkaji sama ada menubuhkan sebuah

jawatankuasa atau badan tentang bentuk-bentuk, kaedah-kaedah latihan yang ada di sekolah-sekolah yang tersebut supaya mutunya dapat dipertingkatkan kerana dengan latihan-latihan yang bermutu tinggi maka sudah tentulah akan dapat memberi manfaat kepada Angkatan Tentera kita, bukan sahaja semasa mereka berkhidmat dengan Angkatan Tentera tetapi manakala mereka berhenti daripada Pasukan Tentera, mereka akan dapat jaminan hidup yang lebih baik di dalam sektor awam.

Jadi dengan langkah yang seperti ini, saya rasa akan dapat memberi suatu jaminan hidup kepada Angkatan Tentera kita manakala mereka masuk berkhidmat di dalam Angkatan tentera bukan sahaja mendapat pengetahuan asas di dalam soal-soal mempertahankan keselamatan negara dan bangsa, satu khidmat yang paling suci, tetapi juga mereka akan dapat pengetahuan dan pelajaran untuk menjamin masa depan mereka yang lebih bahagia.

Oleh sebab itu saya berharap juga supaya badan atau jawatkuasa ini, kalau boleh, bukan sahaja memikirkan atau mengkaji berkenaan dengan sukatan pelajaran atau kurikulum yang diajar di pusat-pusat latihan itu, tetapi berusaha ke arah mendapatkan pengiktirafan daripada pihak sektor awam. Kalau sijil-sijil ini sudah diiktiraf oleh sektor awam, maka sudah tentulah manfaatnya akan dapat dinikmati sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Jadi dengan yang demikian, saya dengan sukacitanya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini iaitu Maksud B. 25.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong. Saya minta jangan panjang sangat, selepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.26 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya akan memendekkan ucapan saya.

Keputusan Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan Pertahanan di muka surat 129, Maksud B. 25, Butiran 1, 2 dan 4 iaitu pengurangan dari \$961 juta pada tahun yang lepas kepada \$430 juta pada tahun 1985 harus diuji sebagai satu langkah ke arah yang betul.

Walaupun setengah-setengah pemimpin percaya secara terbuka bahawa negara China merupakan ancaman kepada kawasan ini, apa yang sebenarnya ialah selain daripada Amerika Syarikat, Soviet Union dan bukan negara China yang mempunyai, dengan izin, 'Blue Ocean Fleet' di kawasan ini. Bagi dua dekad sekurang-kurangnya di hadapan, Soviet Union akan merupakan ancaman yang utama di mana ia mempunyai Pacific Fleet, merupakan yang keempat dan yang terbesar. Seawal-awal tahun 1979 lagi, soviet Union telah mempunyai dua kapal induk, dengan izin, 'aircraft carriers' yang membawa sekurang-kurangnya 35 jet pejuang. Kekuatannya sedang makin bertambah. Dengan bantuan Soviet Union kepada Vietnam, kepada India misalnya, dan alat-alat tentera yang makin bertambah dan laporan bahawa Soviet Union mempunyai peluru-peluru berpandu SS20 di Teluk Cam Ranh Vietnam, Soviet Union mempunyai keupayaan untuk menyerang semua bandaraya di Asia dan Australia di samping mempunyai keupayaan menyekat perkapalan di Selat Melaka di mana 50% daripada bekalan minyak dunia melalui.

Dari segi kapal-kapal terbang, kapal-kapal selam dan peluru-peluru berpandu dan alat-alat tentera termoden yang lain, Soviet Union telah mendahului Amerika Syarikat di

Rantau ini. Pengurangan dalam perbelanjaan merupakan satu langkah ke arah yang betul kerana adalah tidak mungkin bagi kita menjadi setanding dengan kekuatan tentera Soviet Union. Walau bagaimanapun adalah penting bahawa kita mempunyai suatu tentera yang dilatih dengan sempurna, berdisiplin, berdedikasi dan mempunyai semangat perjuangan yang tinggi.

Usaha-usaha harus menekankan aspek ini terutamanya dengan pengenalan zone eksklusif ekonomi. Selama ini usaha Kerajaan ke arah ini adalah tidak mencukupi. Adalah tidak dapat diterima bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyatakan bahawa keterangan-keterangan mengenai pertahanan adalah sulit, adalah rahsia. Ini merupakan satu sikap yang Pasif dan negatif. Bukan semuanya rahsia. Adalah besar kemungkinan bahawa musuh-musuh kita dan negara-negara besar di dunia ini mengetahui apa yang kita perolehi dari segi alat-alat tentera.

*Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusi Jawatankuasa*

Kita saharusnya mempunyai sikap yang lebih terbuka mengenai hal ini dan membincangkan cadangan-cadangan untuk memperbaiki angkatan tentera negara kita.

Tuan Pengerusi, di samping keperluan untuk menjamin bahawa tentera kita adalah terlatih dengan sempurnanya untuk pertahanan bumi, pantai dan laut Malaysia, Kerajaan harus menimbang keperluan mengadakan satu National Service untuk memastikan bahawa semua negara kita bertanggungjawab terhadap pertahanan negara ini.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak membangkitkan satu perkara yang sangat sensitif dan saya akan pendekkan mengeniannya.

Tuan Pengerusi: Sensitif atau terlalu sensitif.

Tuan Tan Seng Giaw: Terlalu sensitif.

Tuan Pengerusi: Kalau terlalu sensitif, bangkit buat apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pada tempoh hari saya menerima dakwaan bahawa Tentera Udara semasa berdoa, ahli-ahli bukan Islam telah dipaksa untuk menadah tangan. Jadi bagi mereka yang bukan Islam, sekiranya dakwaan ini benar, tidak dapat diterima kerana cara untuk berdoa ini berbeza dari satu ugama dengan ugama yang lain. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan dapat menyiasat sama ada dakwaan ini benar ataupun tidak dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, Unit-unit-Kumpulan Simpanan SENGGARA, depot-depot Kelengkapan Wilayah adalah bertanggungjawab mendapatkan bekalan barang-barang stor dan alat-alat ganti untuk menyelenggarakan kelengkapan dan kemudahan-kemudahan unit-unit angkatan di bawahnya dari Depot-depot Pusat Kelengkapan. Jika bekalan-bekalan yang diperlukan itu tidak dapat diperolehi di Depot Pusat Kelengkapan, depot Wilayah dibenarkan membuat pembelian tempatan berdasarkan Sijil Akuan Ketiadaan yang dikeluarkan oleh depot Kelengkapan Wilayah sehingga satu paras yang ditetapkan. Depot Wilayah juga perlu menyelenggarakan satu paras stok yang munasabah untuk menemui keperluan darurat dan keperluan segera.

Dalam tahun 1980 pemeriksaan Audit mendedahkan bahawa 90% daripada pembelian tempatan yang berjumlah \$739,242 yang dibuat oleh sebuah depot Wilayah di Johor telah dibuat tanpa berdasarkan Sijil Akuan

Ketiadaan dari depot Pusat Kelengkapan. Tambahan pula daripada jumlah pembelian kira-kira \$78,782 adalah tidak berkait dengan permintaan-permintaan dari unit-unit. Mengapakah kejadian seperti ini berlaku? Pemeriksaan Audit juga mendapati bahawa lebih kurang 90% daripada jumlah pembelian telah dibuat daripada dua pembekal berdasarkan sebutharga-sebutharga dan tidak dapat Jawatankuasa Sebutharga yang rasmi untuk menimbangkan sebutharga tersebut. Juga mendapati bahawa harga-harga yang dibayar kepada pembekal-pembekal tersebut adalah terlalu tinggi pada umumnya. Pembelian-pembelian berjumlah \$93,368 yang dibuat di bawah 77 pesanan tempatan melebihi kadar-kadar kontrak Kementerian yang sedia ada dengan sebanyak \$64,415 di mana Sijil Akuan Ketiadaan diperolehi dari depot Pusat. Harga-harga yang dibayar untuk bekalan-bekalan adalah melebihi harga-harga rujukan yang ditetapkan dalam sijil-sijil tersebut dengan sebanyak 40—190%.

Dalam 20 kes, nilai pembelian tempatan yang dibuat oleh unit tersebut melebihi paras pembelian yang dibenarkan dengan yang dibenarkan dengan sebanyak \$40,697 tidak terdapat dokumentasi dan sistem rekod yang memuaskan mengenai bekalan-bekalan yang diterima daripada Depot Pusat atau yang dibekalkan kepada unit-unit.

Adalah mengagumkan bahawa pembelian-pembelian sebanyak \$60,705 telah tidak direkodkan. Pemeriksaan Audit juga mendapati bahawa ketulenan atas 6 Akuan Ketiadaan yang digunakan oleh satu Depot Wilayah di Melaka untuk menyokong pembelian tempatan adalah diragukan. Mengikut peraturan, semua Depot Wilayah dikehendaki mengemukakan return-return bulanan mengenai pembelian

tempatan kepada Jabatan Arah Lojistik tetapi nampaknya return ini tidak diterima dalam semua kos ataupun jika diterima return-return ini tidak diperiksa dengan teliti.

Tuan Pengerusi, mengapakah kawalan terhadap pembelian tempatan oleh Depot Wilayah adalah begitu lemah? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk memastikan pengurusan wang yang sempurna yang cekap sejajar dengan kempen berjimat cermat yang dilaksanakan oleh Kerajaan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggulung perbahasan di bawah Maksud Peruntukan B.25. Silakan.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberikan cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan semasa perbahasan Anggaran Belanjawan 1985 bagi Kementerian Pertahanan di peringkat Jawatankuasa ini. Oleh kerana suntukan masa, saya tidak ingin menjawab satu persatu tetapi apa yang tidak sempat saya jawab, akan diambil perhatian oleh Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah menyentuh berkenaan dengan pembelian alat-alat kelengkapan yang beliau katakan dilaksanakan melalui tender berdasarkan spesifikasi yang disediakan. Beliau minta pembelian tersebut dibuat terus menerus dengan pembuat dari luar negeri menerusi Kerajaan atau 'G to G', dengan izin. Selalunya syarikat-syarikat tersebut

mempunyai wakil-wakil tempatan yang selalu membantu Kerajaan untuk menyelaraskan pentadbiran kontrak. Mengenai dengan cadangan membeli terus daripada Kerajaan adalah bergantung kepada dasar pemasaran syarikat tersebut. Kerana tidak semua membuat memasarkan keluarannya melalui Kerajaan.

Mengenai kawalan kualiti alat-alat kelengkapan, Kementerian ada mempunyai team pemeriksaan dan penerimaan untuk membuat pemeriksaan ke atas semua alat kelengkapan yang baru diterima. Sekiranya terdapat kes penipuan, pihak Kementerian akan mengambil tindakan undang-undang dan merampas wang cagaran tersebut. Juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa beliau dapat laporan berkenaan dengan komisen-komisen yang diberi oleh penjual-penjual—dia tidak melaporkan kepada sesiapa. Saya ingin menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang sah berkenaan dengan penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai baik awam ataupun tentera dari Kementerian Pertahanan berkenaan dengan masalah mengambil komisen, laporan tersebut diberi terus kepada saya ataupun pihak ACA dan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pegawai-pegawai berkenaan.

Saya ingin memberi jaminan bahawa kita di dalam Kementerian Pertahanan menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas bukan sahaja berdasarkan kepada prinsip Bersih, Cekap dan Amanah, juga sebagai seorang umat Islam kita ingin melakukan kegiatan-kegiatan yang lurus, benar dan diredai oleh Allah s.w.t. Jadi berkenaan dengan tuduhan oleh beliau bahawa kereta perisai yang dibeli oleh Kementerian Pertahanan

tidak dapat dipakai, ini boleh jadi beliau menerima laporan tersebut dengan membaca daripada suratkhbar *The STAR* yang membuat headline empat hari berturut-turut 2-3 bulan yang lalu dan Kementerian Pertahanan menerusi Timbalan Panglima Tentera Darat telah memberi jawapan berkenaan dengan tuduhan-tuduhan palsu yang dibuat oleh suratkhbar tersebut. Jadi tidak payah lagi, saya membuat penjelasan sepenuhnya berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat dari Matang juga menyentuh masalah perumahan bagi anggota tentera pangkat rendah. Kementerian saya sedar berkenaan dengan masalah kekurangan perumahan. Kajian telah diadakan dengan langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasi masalah ini, bukan sahaja di kawasan Kuala Lumpur bahkan di kawasan-kawasan lain, keperluan perumahan ini adalah juga dirasai di tempat-tempat lain. Kajian telah dibuat dan di antara lain-lain perkara berikut akan diutamakan:

Pertama, keutamaan dalam Rancangan Malaysia kelima untuk membina perumahan utama sekali atau, dengan izin, top priority bagi anggota lain-lain pangkat.

Kedua, cara-cara juga dikaji untuk mengatasi sistem pembinaan yang memakan masa terlalu lama di antara 4 hingga 6 tahun. Cara-cara yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Sistem turnkey.
- (b) Beli rumah kelompok; dan
- (c) Sewa berkelompok.

Kita juga sedang mengkaji untuk menaikkan elaun perumahan bila keadaan mengizinkan. Sekarang elaun perumahan adalah untuk lain-lain pangkat \$80 sebulan dan untuk Sejarah ke Pegawai Waran sebanyak \$135 sebulan.

Mengenai pelajaran anak-anak anggota tentera yang bertukar atau yang berpindah, Kementerian memang sedar dan oleh kerana itulah peraturan tentera telah pun diadakan bagi anak-anak yang terlibat ini di tempatkan di sekolah-sekolah yang berdekatan ataupun ditempatkan di asrama-asrama penuh, jadi anak-anak anggota tentera juga diberi keutamaan untuk memasuki Maktab Rendah Sains MARA, Terendak Camp, Melaka dan Maktab Tentera Di-Raja, Sungai Besi.

Berkenaan dengan masalah pakaian yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang, pegawai-pegawai dalam Angkatan Tentera diberi peruntukan tiap-tiap tahun bagi membeli pakaian seragam untuk kegunaan hari-hari yang berjenis bukan operasi. Bagi pakaian operasi, mereka dibekalkan secara percuma, bagi anggota-anggota lain-lain pangkat semua pakaian seragam mereka diberi secara percuma mengikut ukuran dan scale, dengan izin, yang diluluskan. Segala usaha sedang diambil untuk menentukan bekalan pakaian yang cukup sentiasa ada untuk semua anggota. Kemudahan disediakan bagi anggota meminda pakaian yang kurang padan atau kurang kemas melalui kontrak-kontrak jahitan yang diuruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyentuh atau menimbulkan berkenaan dengan masalah perkauman dalam tentera dan juga perlu diadakan kerahan.

Tuan Pengerusi, supaya rakyat tidak dipengaruhi dengan kata-kata yang tidak berasas itu biarlah saya tegaskan di sini bahawa Angkatan Tentera tidak pernah mempraktik amalan-amalan yang bercorak perkauman.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyentuh berkenaan dengan national service. Mengenai perkara ini Kerajaan tidak bercadang untuk

mengadakan rancangan ini oleh kerana pertahanan negara tidak boleh dijalankan secara paksa dan pintu sentiasa terbuka bagi sesiapa yang cintakan negara untuk menyertai Angkatan Tentera.

Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun berkali-kali saya telah menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita dengan hati terbuka memberi peluang kepada bukan sahaja bumiputera bahkan mereka yang bukan bumiputera untuk memasuki Angkatan Tentera kita. Malangnya apabila tim-tim yang pergi ke Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China atau Tamil, feed-back, dengan izin, yang kita dapati daripada tim-tim tersebut telah mengecewakan, oleh kerana minat daripada mereka sangat kurang dibandingkan daripada minat yang diberi oleh sekolah-sekolah yang kebanyakan terdiri daripada pihak bumiputera. Ini bukan bermakna bahawa kita menyekat kaum bukan bumiputera untuk menganggotai Angkatan Tentera.

Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh berkenaan dengan kem-kem perumahan di Tapah. Sebenarnya peruntukan sebanyak \$24 juta telah disediakan bagi menyediakan rumah kediaman untuk anggota pasukan itu, rancangan sedang diatur bagi pembinaan dilaksanakan tahun 1985.

Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh berkenaan dengan masalah dadah di dalam anggota tentera. Sebenarnya seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pihak Kementerian Pertahanan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk memperhatikan supaya kegiatan ini tidak menjadi berbahaya dan jawatankuasa ini juga bekerjasama dengan pihak Polis dan PEMADAM dalam urusan ini.

Mengenai dengan dakwaan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, beliau mengatakan bahawa satu peristiwa di satu kem tentera udara mengatakan bahawa ahli-ahli bukan Islam dipaksa menadah tangan. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, ini pertama kali saya mendengar cerita yang disebutkan oleh beliau itu, kemungkinan bahawa dakwaan ini tidak benar kerana dalam Angkatan Tentera kita tidak memaksa anggota-anggota Tentera yang bukan beragama Islam untuk menadahkan tangannya melainkan secara sukarela yang dibuat oleh mereka sendiri. Tetapi, selalu di dalam perbarisan, dengan izin, 'guard of honour', secara keseluruhannya tiap-tiap anggota 'guard of honour' itu apabila guru agama membaca doa, mereka keseluruhannya menadahkan tangan. Adakah anggota-anggota bukan Islam itu membuat demikian, ini saya tidak dapat pastikan, tetapi dari segi paksaan, kita tidak memaksa mereka berbuat demikian.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan-pandangan yang saya dapat jawab kepada Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,270,000,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,270,000,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya pula ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$430,000,020 yang disebutkan dalam Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$430,000,020 untuk maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B.26 (Jadual)—

Maksud P. 26 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Maksud Bekalan B.26 dan Maksud Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjong.

4.54 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahas Maksud Bekalan B. 26 dan juga P.27. Saya ingin merujuk kepada Butiran 1.1. mengenai Pelajaran Rendah.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya Belanjawan Mengurus bagi Kementerian Pelajaran telah meningkat untuk tahun 1985 sebanyak \$400 juta kalau dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1984. Kenaikan ini membayangkan kenaikan gaji tahunan yang biasa dan juga peningkatan bilangan jawatan, khasnya guru-guru, maka ini merupakan sesuatu yang biasa dan munasabah. Sungguhpun Belanjawan Pembangunan pada amnya hanya dikurangkan sebanyak \$20 juta, tetapi sekiranya dikaji dengan lebih teliti, maka akan didapati bahawa potongan yang amat serius telah dibuat bagi pelajaran rendah dan pelajaran menengah di mana peruntukan Pembangunan untuk pelajaran rendah telah dikurangkan daripada \$114 juta untuk tahun 1984 ke hanya \$21 juta untuk tahun 1985.

Tuan Pengerusi, Belanjawan Pembangunan untuk pelajaran rendah ialah khasnya untuk pembinaan sekolah-sekolah dan bilik-bilik darjah. Maka dengan pemotongan yang begitu serius, saya merasa bimbang bahawa ini akan menjejaskan rancangan membina bilik darjah yang lebih banyak, khasnya untuk Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan akan menjejaskan prestasi KBSR. Seperti yang kita sedia maklum, banyak sekolah-sekolah yang berbagai jenis, terutamanya Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di kawasan bandar dan juga kampung-kampung baru amatlah sesak kerana kekurangan bilik darjah. Maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula, dan meningkatkan lagi peruntukan Pembangunan, khasnya untuk pelajaran rendah supaya dicegah kesan-kesan yang buruk terhadap pelaksanaan KBSR.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh satu masalah KBSR. Saya berpendapat bahawa peruntukan masa bagi KBSR, khasnya bagi tahap 1 KBSR yang ada sekarang terlalu ketat, iaitu kurang "flexible", dengan izin. Tiap-tiap waktu ataupun "period" digunakan untuk mata pelajaran yang tertentu. Maka pada pendapat saya ini adalah bertentangan dengan prinsip "mastery learning", dengan izin, yang menjadi satu prinsip utama bagi KBSR. Saya ingin mencadangkan supaya diberikan sekurang-kurangnya 3 waktu bebas ataupun "Free period" tiap-tiap minggu untuk digunakan mengikut budibicara Guru Besar dan mengikut keputusan Jawatankuasa Kurikulum tiap-tiap sekolah. 3 waktu bebas ini boleh digunakan untuk mencapai keperluan-keperluan pelajaran yang tertentu yang sudah tentu akan berbeza dari sekolah ke sekolah. Misalnya, 3 period ini bolehlah

digunakan untuk tujuan pemulihan bagi murid-murid yang lemah ataupun bagi tujuan pengkayaan untuk murid-murid yang maju ataupun untuk menggalakkan murid-murid supaya dapat menikmati hobi-hobi yang tertentu ataupun untuk pengajaran dan pembelajaran secara berkelompok sebaya (peer group teaching) di mana murid-murid yang baik itu dapat membantu yang lemah.

Selain daripada ini, Tuan Pengerusi, waktu-waktu bebas ini boleh juga digunakan untuk memperbaiki penguasaan bahasa. Misalnya, telah didapati bahawa di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang tertentu, kelas-kelas yang lemah yang tertentu mungkin memerlukan lebih masa untuk pembelajaran Bahasa Malaysia. Di samping itu di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang bermutu baik di mana murid-murid berasal dari latar belakang yang baik, mereka berkebolehan mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa ketiga mulai dari Darjah satu dan Darjah Dua juga, maka Guru Besar dan Guru-guru Bahasa bolehlah menggunakan waktu-waktu bebas ini untuk tujuan tersebut. Dengan ini, sistem KBSR kita juga dapat memenuhi satu permintaan daripada golongan-golongan masyarakat yang tertentu supaya peluang diberi dalam KBSR untuk pengajaran Bahasa Inggeris dengan lebih awal lagi.

Tuan Pengerusi, bersangkutan-paut dengan KBSR, saya ingin merujuk kepada Butiran 7 mengenai Latihan Guru. Kekurangan guru masih merupakan satu masalah yang serius, terutamanya di sekolah-sekolah SRJK(C).

Keluaran ataupun output dari Rancangan Latihan Guru-guru Sekolah China melalui program PPAKC pada dua, tiga tahun kebelakangan ini pada pendapat saya

adalah kurang memuaskan. Maka sekiranya kita membuat satu ramalan ataupun "projection" mengikut trend yang sedia ada iaitu mengikut bilangan-bilangan lepasan dari PPAKC pada tahun-tahun kebelakangan ini, kekurangan guru-guru di SRHKC sudah tentunya akan terus merosot. Maka ini adalah satu masalah yang amat membimbangkan masyarakat dan kebimbangan mereka ini memang berasas kalau kita mengkaji dari segi projection.

Oleh itu, saya ingin merayu Kerajaan menambah lagi usahanya dalam pengambilan pelajar atau pelatih bagi PPAKC. Saya juga ingin sekali merayu kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan lagi cadangan yang telah saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini untuk melonggarkan syarat yang ketat mengenai kredit bagi Bahasa Malaysia dan Bahasa China dalam SPM untuk rancangan PPAKC supaya calon-calon yang lulus dalam Bahasa Malaysia dapat diterima masuk ke PPAKC dengan syarat bahawa mereka mendapat gred kredit yang baik bagi mata pelajaran ini semasa latihan ataupun sewaktu latihan.

Saya ingin merayu kepada Kerajaan juga untuk menggalakkan lepasan-lepasan dari sekolah-sekolah menengah swasta yang telah berjaya mendapat gred-gred yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa China di peringkat Peperiksaan SPM supaya mereka ini juga berpeluang untuk dilatih sebagai guru-guru untuk Sekolah-sekolah Rendah China.

Di sini Tuan Pengerusi, saya ingin juga menarik perhatian Kementerian Pelajaran kepada satu masalah yang telah lama berlaku di sekolah-sekolah. Nampaknya tidak ada satu sistem yang baik untuk mengganti tugas buat sementara waktu bagi guru-guru yang cuti bersalin. Akibatnya kelas-kelas yang terlibat itu tidak ada guru gantian

yang tetap. Maka ini akan mengakibatkan murid-murid ketinggalan dalam pembelajaran mereka itu. Ini amat menjejaskan sekolah-sekolah yang kecil di mana bilangan guru pada asalnya sudah kecil dan juga sekolah-sekolah besar yang kekurangan guru. Maka saya berpendapat bahawa ini adalah kurang adil kerana beban yang berat ini akan ditanggung oleh guru-guru yang sudah sebok khasnya dengan tugas-tugas KBSR. Masalah ini mungkin menjadi lebih dahsyat lagi dengan adanya insentif-insentif untuk menggalakkan "higher fertility" di kalangan guru-guru dan juga di masyarakat umum dan saya berharap bahawa Kementerian dan juga Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri akan mengadakan satu sistem di mana keperluan seperti ini yang dapat diramalkan dari semasa ke semasa dapatlah dipenuhi dengan guru-guru sementara supaya kelas-kelas tidak tergendala dan tidak terjejas.

Saya ingin beralih kepada Butiran 6.3 mengenai peruntukan mengurus untuk universiti-universiti tempatan yang telah meningkat agak banyak itu. Peningkatan Belanjawan ipi pada pendapat saya membayang perhatian yang diberi oleh kerajaan terhadap pelajaran tinggi dan juga permintaan yang besar ataupun yang hebat dari masyarakat. Dengan adanya perbelanjaan yang begitu besar kemajuan dari segi kuantitatif, iaitu dari segi bilangan pelajar-pelajar yang telah diambil masuk ke universiti, adalah ketara. Akan tetapi, saya berpendapat bahawa adalah sangat penting bahawa kita juga menjaga mutu pelajaran di universiti-universiti tempatan. Dan dengan ini saya ingin menyentuh tentang satu trend yang agak membimbangkan di mana ramai daripada kakitangan akademik universiti ini meletakkan jawatan, khasnya mereka dari Fakulti-fakulti Kejuruteraan dan Perubatan.

Masalah ini, Tuan Pengerusi, sebenarnya bukanlah masalah yang baru kerana ianya telah berlaku dalam tempoh 10 hingga 12 tahun kebelakangan ini. Saya telah mengkaji rekod-rekod dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan didapati bahawa dari 170 jawatan yang sedia ada, sekurang-kurangnya ada 10 hingga 20 orang pensyarah ataupun professor yang meletak jawatan bagi tiap-tiap tahun. Yang serius sekali ialah bagi tahun 1976 di mana 24 meletak jawatan dan juga tahun 1981 di mana 29 meletak jawatan. Sebenarnya ada satu trend yang, dengan izin, "cyclical" di mana tiap-tiap lima tahun lebih kurang setengah daripada kakitangan akademik dari Fakulti Perubatan meletak jawatan. Yang dahsyat sekali ialah Jabatan Anaesthesiology di mana di antara 9 jawatan, 3 pensyarah meletak jawatan pada tahun 1980 dan 4 meletak jawatan pada tahun 1981. Ini bermakna bahawa hampir kesemuanya kakitangan dalam jabatan itu meletak jawatan dalam tempoh dua tahun sahaja.

Maka pada pendapat saya ini merupakan satu trend yang kurang sihat kerana, dengan izin, "turnover" yang begitu tinggi ataupun pemindahan pekerjaan yang begitu tinggi. Phenomenon ini bermakna bahawa di fakulti ini akan berlaku kekurangan ataupun masalah kekurangan kakitangan akademik dan pengajar-pengajar yang berpengalaman untuk menjamin, dengan izin, "continuity" dari segi kurikulum dan untuk memberi pengajaran dan bimbingan yang berkesan kepada pelajar-pelajar. Sudah tentunya ini akan menjejaskan keberkesanan mengajar di fakulti ini dan juga akan melemahkan asas akademik bagi para pelajarnya. Yang akan kerugian adalah pelajar-pelajar sendiri dan juga masyarakat umum iaitu khasnya pesakit-pesakit yang

memerlukan rawatan daripada lepasan-lepasan fakulti ini.

Tuan Pengerusi, memang terdapat banyak faktor-faktor yang menyebabkan trend ini. Mungkin keadaan sektor swasta amat menarik. Mungkin seperti apa yang dikatakan oleh setengah-setengah orang sikap kakitangan akademik itu sendiri kurang memuaskan. Namun demikian, Tuan Pengerusi, tidak dapat kita abaikan juga kelemahan-kelemahan yang berada dalam sistem, misalnya, sistem dan peluang kenaikan pangkat yang dianggap kurang adil ataupun sekatan-sekatan dan desakan-desakan yang tertentu terhadap para pengajar dan para kakitangan akademik dan juga sikap pihak pentadbir juga harus diambil kira. Maka faktor sistem-sistem ini akan sedikit sebanyak menjejaskan morale, dengan izin, kakitangan di universiti.

Sekiranya diadakan satu sistem yang adil dan munasabah walaupun keadaan di luar iaitu sektor swasta itu mungkin amat menarik tetapi saya percaya bahawa kebanyakan daripada kakitangan akademik di Universiti khasnya di Fakulti Perubatan tidak akan meletakkan jawatan. Ini adalah kerana mereka yang memilih untuk bertugas di dalam Fakulti Perubatan sudah berkecenderungan kepada hal-hal penyelidikan dan pengajaran di peringkat Universiti dan bukanlah kepada perkhidmatan di sektor swasta. Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya ditubuhkan sebuah jawatankuasa bebas sekiranya boleh untuk mengkaji dengan lebih teliti lagi faktor-faktor yang mengakibatkan kakitangan akademik khasnya dari Fakulti Perubatan dan Fakulti Kejuruteraan meletakkan jawatan beramai-ramai begini. Sekiranya kita berani untuk menghadapi masalah ini dan sekiranya kita akan mengambil langkah-langkah untuk membetulkan keadaan maka

kita sudah tentunya akan menjamin mutu pelajaran tinggi di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan tadi mengenai belanjawan bagi Universiti dan juga pelajaran tinggi pada khususnya hanya merujuk kepada Universiti-universiti tempatan iaitu dalam negeri kita sendiri. Terdapat lebih kurang 30,000 orang pelajar universiti di dalam negeri tetapi di luar negeri pula terdapat sekurang-kurangnya 35,000 hingga 40,000 orang pelajar yang mengikuti kursus ijazah, tidak termasuk lagi mereka-mereka yang pergi belajar di peringkat-sekolah menengah. Dan sekiranya kita mengambil kira pelajar-pelajar yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan ataupun yang tidak didapati angka yang sepenuhnya oleh pihak Kerajaan, maka mengikut anggaran saya sekurang-kurangnya ada 60,000 orang pelajar yang mengikuti kursus Universiti di luar negeri.

Tuan Pengerusi, beberapa hari dahulu Menteri Pelajaran dalam Dewan ini telah memberitahu kita bahawa tiap-tiap tahun pihak Kerajaan membelanjakan lebih kurang \$470 juta untuk menganjur pelajar-pelajar di luar negeri. Mengikut angka juga pelajar-pelajar di bawah anjuran Kerajaan hanya terdiri daripada 20 hingga 25% daripada semua pelajar-pelajar yang berada di luar negeri. Maka sekiranya kita mengambil angka \$400 juta sebagai satu kriteria maka untuk 60,000 orang pelajar, perbelanjaan sama ada dari pihak sektor awam iaitu pihak Kerajaan ataupun dari pihak swasta iaitu melalui biasiswa ibu bapa akan berjumlah lebih kurang \$2,000 juta tiap-tiap tahun. Dan ini merupakan pendapatan bijih timah tiap-tiap tahun yang diperolehi negara kita.

Angka-angka seperti ini tuan Pengerusi amat mengejutkan. Ini adalah satu punca yang menyebabkan "invisible trade loss". Namun demikian, Tuan Pengerusi, saya bukanlah bermaksud bahawa oleh kerana itu kita haruslah menyekat pelajar-pelajar kita daripada melanjutkan pelajaran di luar negeri. Oleh kerana kalau kita berbuat demikian sudah tentunya akan membangkitkan perasaan tidak puas hati dan juga reaksi yang sangat dahsyat. Ini juga kurang adil kepada individu-individu dan akan mengakibatkan kerugian dari segi tenaga manusia yang terlatih bagi negara.

Apa yang kita harus berikhtiar, Tuan Pengerusi, ialah untuk menambahkan lagi peluang pelajaran tinggi di dalam negeri. Bolehkah kita mempertimbangkan cara-cara misalnya untuk bekerjasama dengan Universiti-universiti di luar negeri supaya menubuhkan kolej-kolej ataupun Maktab-maktab yang tertentu di negara kita di mana pelajar-pelajar boleh mengikuti kursus bagi tahun pertama dan kedua dan selanjutnya melanjutkan pelajaran di luar negeri dalam Universiti yang tertentu itu.

Maka dengan ini kita akan menjimatkan setengah daripada perbelanjaan dan akan menjimatkan sebahagian daripada "invisible trade loss", dengan izin. Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa kita haruslah mengkaji semula secara teliti, dengan izin, "system of fees collection" ataupun sistem bayaran dan juga sistem belanjawan untuk pelajaran tinggi di negara kita. Seperti yang telah dikatakan oleh Menteri Pelajaran sewaktu menjawab soalan saya dua minggu dahulu, tiap-tiap tahun Kerajaan memberi subsidi kepada tiap-tiap orang pelajar di Universiti tempatan mengikut kadar sekurang-kurangnya \$8,000 hingga lebih daripada \$20,000 setahun

mengikut kursus. Ini termasuk pelajar-pelajar swasta yang membayar yuran penuh. Maka bolehkah Kerajaan mempertimbangkan bagaimana boleh menganggun beban ini ataupun boleh mengalakkan pihak swasta, ibu bapa sendiri untuk bersama-sama menanggung beban ini dengan tidak menjejaskan prinsip keadilan, di mana kita harus terus memberi bantuan dalam bentuk pinjaman dan sebagainya kepada mereka-mereka yang tidak berada.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat gulung?

Dr Koh Tsu Koon: Ya, saya akan gulung dalam satu, dua minit, Tuan Pengerusi. Maka sekiranya kita berbuat demikian, mungkin kita akan dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh Kerajaan iaitu melalui punca-punca dan juga sumber-sumber swasta.

Tuan Pengerusi, sebagai kesimpulan pada pendapat saya Kerajaan tiap-tiap tahun membelanjakan begitu banyak peruntukan untuk pelajaran dan ini adalah munasabah, ini adalah berpatutan kerana pelajaran itu sangat penting. Akan tetapi kita haruslah memandang lebih jauh lagi kerana pada pendapat saya Kerajaan tidak mungkin berkebolehan untuk menanggung beban yang berat ini dengan sendirinya selama-lamanya. Maka saya berharap bahawa untuk jangka panjang, bahawa untuk Rancangan Malaysia yang Kelima kita akan mengkaji dengan teliti soal-soal yang asas ini mengenai kewangan pelajaran ataupun, dengan izin, "financing of education" dan untuk mendapatkan "priority" ataupun keutamaan dan untuk mendapatkan sumber-sumber dari semua pihak supaya kita terus akan dapat memperkembangkan sistem pelajaran negara kita tanpa mengurangkan mutu dan tanpa mengurangkan ataupun mengabaikan prinsip keadilan.

Dengan begitu sungguhpun saya menganggap bahawa peruntukan tidak mencukupi, tetapi saya terus menyokong Belanjawan yang diberi kepada Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.20 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya bercadang bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B. 26 berhubung dengan Kementerian Pelajaran, Butiran 3—Pentadbiran Am, Program (Aktiviti) 3.2 Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri—Kod 1100 Jenis Perbelanjaan (Emolumen) diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, inilah kali pertamanya saya mencadangkan usul memotong gaji sebanyak \$10 ke atas anggaran perbelanjaan Kementerian Pelajaran yang sebenarnya merupakan satu "censure motion" dan kali ini khasnya terhadap Pengarah Wilayah Persekutuan, Dato Mohamed Hussein Ahmad, yang mana tindakan-tindakan beliau itu tidak mengendahkan langsung hak-hak berperlembagaan dan sensitiviti linguistik orang-orang Cina dan India di Malaysia telah memburukkan lagi polarisasi kaum di sekolah-sekolah.

Pada 10hb Oktober lalu Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan satu pekeling ke semua sekolah termasuk Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang menghendaki mereka menjalankan upacara-upacara sekolah seperti Perhimpunan Mingguan Sekolah, Hari Ucapan dan Hari Sukan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sahaja. Ini telah mencetuskan rasa kemarahan (uproar) dalam masyarakat Cina kerana tindakan-tindakan seumpama itu

merupakan satu lagi langkah ke arah hakisan hak-hak Perlembagaan yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Malaysia mengenai penggunaan bebas bahasa Cina dan Tamil untuk tujuan mengajar dan pembelajaran. Walaupun Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad Mohamed Noor kemudiannya menerangkan Pekeliling Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan itu dengan mengatakan bahawa Guru-guru Besar yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia hanya dikehendaki bermula dan mengakhiri ucapan-ucapan yang dibuat oleh mereka dalam upacara-upacara rasmi dan perhimpunan sekolah dalam Bahasa Malaysia, sementara dalam kegiatan-kegiatan biasa sekolah bahasa ibunda boleh digunakan. Namun penjelasan ini adalah tidak memuaskan. Apakah ini bermakna Guru-guru Besar yang fasih dalam Bahasa Malaysia tidak mempunyai hak Perlembagaan untuk berucap dalam bahasa ibunda yang menjadi media pengantaraan sama ada bahasa Cina atau Tamil dalam upacara-upacara rasmi seperti Hari Ucapan, Hari Sukan dan Perhimpunan Mingguan?

Selanjutnya ini menimbulkan kemungkinan bahawa pada masa akan datang prospek kenaikan pangkat Guru-guru Besar hanya bergantung kepada kesediaan mereka untuk menghadkan diri kepada penggunaan Bahasa Malaysia dalam upacara-upacara sekolah kerana inilah keinginan beberapa pihak tertentu. Tindakan Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan haruslah dikutuk sekeras-sekerasnya dan tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadapnya kerana beliau telah memberi amaran kepada Guru-guru Besar bahawa tindakan jabatan akan diambil terhadap Guru-guru Besar yang tidak menghiraukan arahan itu. Adakah Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan sedar bahawa tindakan beliau yang tidak mengendahkan

sensiviti orang-orang Cina dan India telah memburukkan lagi polarisasi kaum dan perpaduan negara di kalangan guru-guru, murid-murid dan orang ramai?

Dato' Muhamad Hussein Ahmad telah berhujah bahawa arahan beliau itu tidak melarang sekolah-sekolah Cina dan Tamil dari mengajar dalam media pengantaraan mereka sendiri dan bahawa bahasa rasmi juga mempunyai hak Perlembagaan untuk didengari di khalayak awam.

Inti isu ini atau "nub" isu itu bukanlah hak Perlembagaan bahasa rasmi untuk didengar di khalayak awam kerana tidak ada sesiapa yang mempersoalkannya, tetapi hak Perlembagaan bahasa Cina dan Tamil untuk digunakan dan didengar di khalayak awam. Sekiranya ditetapkan bahawa bahasa Cina dan Tamil tidak boleh digunakan dalam upacara-upacara sekolah maka ini hampir-hampir merupakan satu lagi langkah pendek ke arah tuntutan supaya bahasa Cina dan Tamil tidak digunakan sebagai bahasa penghantar dan Sekolah-sekolah Cina dan Tamil ditutup. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa tuntutan-tuntutan ini telah dibuat oleh ahli-ahli politik ekstremis termasuk yang ada dalam UMNO.

Baru-baru ini Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan juga selaku Ketua Pemuda UMNO telah menyalahkan ibu bapa yang menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil dan menurut beliau inilah punca polarisasi kaum di sekolah-sekolah. Implikasi adalah jelas iaitu sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang menjadi punca utama yang menyebabkan polarisasi kaum dan ketiadaan perpaduan negara dan ketiadaan penutupan sekolah-sekolah tersebut merupakan satu langkah perlu sekiranya polarisasi kaum hendak diatasi dan perpaduan negara dicapai.

Kenyataan beliau itu kini membolehkan kita memahami akan tindakan-tindakan yang berlaku dan sedang berlaku di sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang bertujuan mengubah corak 'character' sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil serta menukarnya menjadi sekolah-sekolah kebangsaan seperti diperuntukkan dalam Fasal 21 (2) Akta Pelajaran, 1961.

Tuan Pengerusi, apa yang sangat menjadi tanda soal ialah baru-baru ini lebih banyak insiden berlaku di mana pegawai-pegawai pelajaran mempunyai kuasa untuk mengambil keputusan dasar yang bercanggah dengan jaminan-jaminan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan semacam kes Federal Territory ini dan di mana sebenarnya kita nampak pegawai-pegawai pelajaran yang mengambil tindakan seolah-olah mereka itu ahli politik.

Kes yang berlaku di Federal Territory bukan satu kes "isolated" oleh kerana pun ada berlaku baru-baru ini di Melaka di mana berpunca daripada surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad dalam bulan Jun tahun ini mengenai panduan untuk sekolah-sekolah mengenai pertunjukan kebudayaan. Ada sebuah sekolah menengah sudah membatalkan program pertunjukan kebudayaan sekolah itu dalam acara tahunannya oleh kerana ada program-program, tarian-tarian dan lagu-lagu bahasa Cina, India dan Eurasian. Di sekolah yang lain di Melaka, oleh kerana arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Melaka itu, majalah Persatuan Bahasa Cina ada diharamkan di suatu masa oleh kerana inilah yang disifatkan sebagai bercanggah dengan tujuan untuk memupuk perpaduan negara. Parlimen haruslah melahirkan perhatian yang berat atas perkara semacam ini oleh kerana kalau tidak

pemimpin-pemimpin nasional boleh melahirkan 'concern' mereka mengenai masalah polarisasi kaum tetapi sebenarnya di sekolah-sekolah berlaku perkara yang lebih rumit oleh kerana tindakan dan sikap-sikap indifferent dan insentive yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai pelajaran terhadap yang tidak bersetuju dengan masyarakat Malaysia ialah masyarakat berbilang kaum, yang berbilang bahasa atau berbagai budaya dan agama.

Tuan Pengerusi, tindakan Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan patutlah dikutuk oleh kerana sudah merumitkan polarisasi kaum di sekolah dan juga sebagai satu amaran kepada semua pentadbir Kerajaan khasnya dalam Kementerian Pelajaran supaya mereka tak harus memainkan politik, kalau mereka mahu memainkan politik, mereka harus letak jawatan dan masuk UMNO—itu lain hal.

Akhirnya, sebenarnya, kalau kita mahu membuat, memberi satu jaminan yang kekal kepada sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil dalam mainstream pelajaran Malaysia, barulah satu langkah yang boleh dibuat ialah untuk membatalkan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 tetapi malangnya saya tahu bahawa bukan sahaja UMNO tetapi MCA GERAKAN, SUPP, MIC dan BERJAYA semua tentulah tidak akan bersetuju.

Saya cadangkan bahawa gaji \$10 ini dipotong.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa satu usul yang dikeluarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 66 (9) oleh kerana merupakan sesuatu usul mencadangkan pindaan kepada Rang Undang-undang Perbekalan hendaklah diselesaikan dahulu. Masalahnya ialah bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan 26

berhubung dengan Kementerian Pelajaran, Butiran 3, Pentadbiran Am, Program Aktiviti 3.2 Pentadbiran Pelajaran di negeri-negeri "1000—Jenis Perbelanjaan, Emolumen" diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan, terbuka untuk dibahaskan.

Oleh sebab masa kita terhad, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi menjawab, dan selepas itu saya akan kemukakan masalah bagi diputuskan.

5.23 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Pengerusi, saya memohon untuk menangkis dan untuk menjelaskan ketidaksetujuan saya terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mencadangkan supaya gaji atau peruntukan untuk Kementerian Pelajaran dipotong \$10 akibat daripada potongan yang dicadangkan oleh beliau ke atas gaji Pengarah pelajaran Wilayah Persekutuan sebanyak \$10.

Perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum tadi adalah perkara yang tidak seharusnya mendapat sokongan daripada kita kerana selain daripada Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada lagi timbul cemohan-cemohan ataupun komentar-komentar daripada mana-mana pihak mengenai perkara ini yang sudah kita selesaikan.

Saya ingin menjelaskan bahawa soal polarisasi kaum, bukan hanya disebabkan oleh satu perkara. Soal polarisasi kaum disebabkan oleh banyak perkara dan faktor-faktor. Mungkin perkara-perkara yang dilakukan di sekolah adalah satu daripada faktor-faktor yang

menyebabkan, tetapi bukanlah itu sahaja yang menyebabkan dan saya menyangkal bahawa apa yang dilaku dan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah, terutama sekali menyentuh mengenai penghantar Circular ataupun Surat Pekeliling ke sekolah tidak sekali-kali berniat untuk menjejaskan keutuhan perpaduan di negara kita ini, terutama di sekolah dan tidak sama sekali berniat untuk mensejukkan, untuk mewujudkan keadaan polarisasi kaum yang lebih hebat lagi.

Tuan Pengerusi: Merundingkan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya, di sekolah-sekolah di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, perlu saya jelaskan bahawa mengikut Artikul 152 dalam Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Bahasa Kebangsaan negara kita ialah Bahasa Malaysia. Seksyen 2 dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 memperuntukkan bahawa selepas 1hb September, 1967, Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud-maksud rasmi. Sekolah-sekolah sebagai institusi Kerajaan telah diarah melaksanakan peruntukan mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam maksud rasmi. Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan yang kita sedang bincangkan sekarang telah mendapati bahawa setengah-setengah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan telah tidak mematuhi kehendak ini dan kita berasa begitu dukacita. oleh itu, beliau telah mengeluarkan Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP. 20/84 kepada semua Guru Besar sekolah mengingatkan mereka tentang perkara ini. Mereka telah diminta supaya semua perhimpunan yang diadakan oleh pihak sekolah seperti Perhimpunan Mingguan, Hari Ucapan, Hari sukan dan lain-lain hendaklah dijalankan dalam Bahasa Malaysia iaitu Bahasa Kebangsaan

kita iaitu bahasa rasmi yang telah kita terima sebagai Bahasa Rasmi negara kita.

Tuan Pengerusi, Surat Pekeliling Pentadbiran JPWP. 21/84 telah menjelaskan bahawa Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam upacara rasmi yang diadakan di sekolah-sekolah. Kelonggaran diberi kepada Guru Besar menggunakan bahasa pengantar sekolah tetapi beliau hendaklah memohon izin majlis terlebih dahulu dan sebahagian besar dari ucapan beliau itu hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Ahli-ahli Lembaga Pengurus atau Pengerusi Persatuan Ibu-bapa dan Guru atau ahli-ahlinya yang bukan guru pula boleh dibenarkan berucap dalam bahasa pengantar sekolah dengan syarat mereka terlebih dahulu meminta izin daripada majlis. Meminta izin daripada majlis, ertinya bukanlah kita ini bertanya akan majlis, saya minta izin dan mereka angkat tangan setuju, baru kita boleh berucap, tidak. Minta izin ertinya dalam kita memulakan ucapan lafaz kita ialah "dengan izin" sama ada mereka angkat tangan atau tidak, itu lain perkara, dan itu tidak perlu. Sama juga dengan keizinan yang dipohon semasa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini memohon untuk menggunakan Bahasa Inggeris dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Surat Pekeliling yang berikutnya dari Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia telah mengambil kira adanya Guru Besar yang masih belum fasih dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu Pekeliling tersebut membenarkan Guru Besar menggunakan bahasa pengantar sekolah berkenaan dalam ucapan perhimpunan rasmi tetapi ucapan itu hendaklah dimulakan dan diakhiri dalam Bahasa Malaysia. Dengan itu, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adalah jelas bahawa Kerajaan tidak bersetuju

untuk mengeneipkan langsung penggunaan bahasa ibunda seperti yang disalahfahamkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kota Melaka dan oleh pihak-pihak yang tertentu juga. Dengan keluaran Surat Pekeliling yang berkenaan, tidak perlu terjejas penggunaan Bahasa Cina ataupun Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantaraan di sekolah-sekolah tersebut. Saya ingin menegaskan di sini bahawa penggunaan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah kekal sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 1961. Kedudukan ini tidak lagi dipersoalkan oleh mana-mana pihak dalam Kerajaan.

Oleh itu, tujuan sebenar pekeling-pekeling yang saya sebutkan tadi ialah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat membangkitkan tertib mesyuarat ataupun minta jalan?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat beri jalan?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Daripada penerangan Yang Berhormat beri tadi bahawa perkara yang dilaksanakan oleh Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan itu patut disanjung dan tidak patut dikutuk. Sebaliknya benda yang dieksploitasikan oleh Wakil daripada Pembangkang inilah patut dikutuk kerana hendak menimbulkan isu ini sebagai satu isu bagi polarisasi kaum wujud dalam negara ini, adakah benar?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya bersetuju, Tuan Pengerusi. oleh itu tujuan sebenar pekeliling-pekeliling yang saya sebutkan tadi ialah untuk memperingati sekolah-sekolah tentang peruntukan dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan 1967 dan menggunakan Bahasa Malaysia di upacara-upacara rasmi sekolah-sekolah. Saya ketahui ramai Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang telahpun digunakan Bahasa Malaysia dalam upacara rasmi sekolah-sekolah mereka. Saya merasa bangga dan mengucapkan tahniah atas kejayaan mereka ini, walaupun ada juga yang seharusnya mengambil tindakan yang serius supaya lebih menggunakan Bahasa Malaysia di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, dalam pada itu saya juga berasa kesal bahawa setelah diadakan Akta mengenai penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi masih terdapat Guru-guru Besar yang tidak melaksanakannya di upacara-upacara rasmi sekolah. Saya juga berasa kesal bahawa selepas 26 tahun kita mencapai kemerdekaan masih terdapat segolongan guru besar yang tidak berapa fasih dalam Bahasa Malaysia. Kepada mereka ini saya ingin menasihatkan supaya segera mengubah sikap mereka dan supaya kita dapat menjadikan negara ini negara yang aman dan rakyat keseluruhannya akan menjadi rakyat yang bersatu padu berasaskan kepada satu bahasa mungkin dengan bahasa-bahasa lain juga digunakan dan juga satu warganegara yang bersatu padu, aman, makmur di masa akan datang.

Saya sekeras-kerasnya membangkang dan tidak bersetuju-dengan apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, boleh saya menggulung?

Tuan Pengerusi: Silakan yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ada dua points sahaja. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan mengenai surat pekeliling Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan di mana, dengan izin, Guru-guru Besar dan lain-lain boleh berucap dalam upacara-upacara rasmi di sekolah. Itu adalah surat pekeliling yang kedua bukan surat pekeliling yang pertama yang bertarikh 10hb Oktober. Dan kedua, saya sangat terperanjat bahawa daripada ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya ada satu kesimpulan bahawa kalau ada keadaan di mana Guru-guru Besar dalam sekolah-sekolah beraliran Cina dan Tamil, menggunakan hak-hak mereka untuk berucap dalam bahasa ibunda, ini akan merosakkan keamanan dan perpaduan masyarakat Malaysia. Inilah saya rasa satu sikap yang patut dikutuk oleh kerana tadi saya ada sebutkan bahawa masalah soal kedaulatan Bahasa Malaysia dan bahasa rasmi tidak timbul, bukan satu masalah, bahawa masalah Bahasa Malaysia diucap, digunakan, didengar bukan satu masalah. Masalah yang di hadapan kita ialah di samping itu pun ada hak bahasa Cina, bahasa Tamil yang termaktub dalam Artikul 152 di mana kegunaan beban kecuali untuk kegunaan rasmi di mana bahasa-bahasa tersebut patut juga boleh digunakan tanpa apa-apa batasan dan itulah satu masalah yang kita hadapi, dan dengan itu sahajalah dua komen saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Misalnya ialah bahawa Anggaran perbelanjaan bagi Maksud Bekalan 26 berhubung dengan Kementerian Pelajaran, butiran 3—Pentadbiran Am, Program (Aktiviti) 3.2—Pentadbiran Pelajaran di Negeri-negeri, kod 1000 jenis

perbelanjaan Emolumen diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 berkaitan dengan gaji Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah Kepala B. 26 dan P. 26 terbuka semula untuk dibahas, yang terhormat dari Pasir Mas.

5.42 ptg.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bersama membahaskan peruntukan Kementerian Pelajaran bagi tahun 1985.

Tuan pengerusi, Butiran 2—Pelajaran Teknik dan Vokasional. Kementerian pelajaran adalah satu agen Kerajaan bagi membentuk masyarakat Malaysia ini dan kurikulum pelajaran yang dirangka adalah bertujuan untuk mewujudkan tenaga manusia bagi memenuhi fungsi pembangunan negara. Malaysia sebuah negara yang sedang membangun dan oleh itu ianya amat perlu kepada tenaga-tenaga pembangunan yang boleh membangunkan negara ini dalam berbagai-bagai bidang yang diperlukan. Kita perlukan tenaga pembangunan yang mahir, kita perlukan tenaga pekerja yang mahir dalam bidang-bidang pertanian dan kita perlukan tenaga mahir dalam bidang-bidang pembuatan. Pelajaran Teknik dan Vokasional adalah merupakan matapelajaran yang boleh menyediakan tenaga-tenaga seperti yang disebutkan itu. Mengikut buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1985, pengambilan pelajar-pelajar dalam pelajaran teknik ialah seramai 5,730 orang, dalam bahagian vokasional seramai 12,080 orang dan bagi pelajaran politeknik ialah 2,200 orang.

Jika kita buat perbandingan dengan pengambilan pelajar-pelajar dalam tahun 1983 dan 1984 yang terdapat dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1985 ini bagi tahun 1983 bagi pelajaran teknik ada seramai 6,780 orang dan tahun 1984 ialah seramai 5,407 orang.

Pengambilan pelajar-pelajar bagi Sekolah Menengah Vokasional bagi tahun 1983 ialah 12,200 orang dan tahun 1984 adalah 11,159 orang. Di Politeknik pula, pada tahun 1983 ialah 1,486 orang dan pada tahun 1984 ialah 2,000 orang. Kalau kita melihat kepada angka-angka dari tahun 1983, 1984 dan 1985 ini, maka nyata sekali bahawa tidak ada peningkatan pengambilan pelajar-pelajar bagi Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, gambaran yang saya berikan ini adalah tidak menunjukkan perseimbangan dengan pertambahan pelajar-pelajar yang memasuki sekolah menengah setiap tahun dan juga tidak menggambarkan perseimbangan keperluan tenaga manusia dalam negara ini yang dengan ini akan menjejaskan kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi tujuan utama kepada strategi Belanjawan 1985.

Tuan Pengerusi, kita tahu murid-murid yang lulus dalam peperiksaan SRP setiap tahun adalah di antara angka 55% ke 60% sahaja di mana ada 40% lagi murid-murid yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah menengah akademik. Mereka ini adalah terdiri daripada belia-belia yang berumur di antara 15 ke 16 tahun. Bagi kita belia-belia berumur 15 ke 16 tahun ini adalah merupakan belia-belia yang paling muda untuk memasuki bidang-bidang pekerjaan. Oleh itu 12,000 orang murid yang akan diambil belajar dalam 9 buah Sekolah Vokasional di negara ini pada tahun 1985 seperti

tercatat dalam buku Belanjawan Program dan Prestasi 1985 itu adalah suatu angka yang amat kecil bila dibandingkan dengan keramaian murid-murid yang gagal memasuki sekolah menengah akademik setiap tahun.

Tuan Pengerusi, dengan demikian adalah amat sesuai sekali diwujudkan sekolah-sekolah Vokasional yang lebih banyak dengan pengambilan pelajar-pelajar yang lebih ramai bagi mengatasi masalah-masalah yang terjadi dalam masyarakat, masalah-masalah sosial disebabkan oleh kegagalan pelajar-pelajar untuk memasuki sekolah-sekolah dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 2.4, Aktiviti—Sekolah Politeknik. Kita tahu Sekolah Menengah Politeknik dalam negara kita ini adalah ditubuhkan dengan tujuan untuk menampung pelajar-pelajar lulusan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mendapatkan pelajaran dan latihan kemahiran juruteknik dan eksekutif rendah di bidang kejuruteraan dan perdagangan. Pada masa ini terdapat hanya 2 buah Politeknik di Malaysia dengan pengambilan pelajar-pelajar seperti yang saya sebutkan tadi bagi tahun 1985 hanya untuk 2,200 orang sahaja.

Tuan Pengerusi, bagi memenuhi kehendak pembangunan negara yang memerlukan ramai juruteknik dan eksekutif, adalah amat wajar kalau pengambilan pelajar-pelajar ditambah dan Politeknik baru diwujudkan. Taraf Politeknik yang ada pada masa ini hendaklah juga dinaikkan ke taraf yang lebih tinggi, bukan seperti yang ada sekarang, hanya menyediakan pelajar-pelajar bagi menjadi juruteknik dan eksekutif rendah sahaja.

Dalam pertanyaan saya kepada Menteri Pelajaran pada 17hb Oktober yang lalu, saya telah bertanya Menteri

Pelajaran apakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk menubuhkan atau mewujudkan politeknik yang bertaraf universiti dalam negara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menyatakan bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk berbuat demikian. Tetapi beberapa minggu kemudian, Timbalan Menteri Pelajaran telah mengisytiharkan bahawa Politeknik Ungku Omar akan dijadikan kampus cawangan bagi salah sebuah universiti dalam negara ini. Alhamdulillah, saya rasa inilah.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Untuk penjelasan Yang Berhormat? silakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, sebenarnya yang memberi pengumuman itu bukan saya. Saya di Parlimen ini menjawab dan ini mungkin salah tafsiran ataupun salah 'quoted', dengan izin, oleh pihak yang mencatat berita itu. Apa yang saya kata, kalau dia tengok *Hansard* lain daripada apa yang dilaporkan oleh radio, saya dengar yang mungkin Yang Berhormat pun dengar juga. Jadi saya tidak ada berkata begitu.

Tuan Pengerusi: Saya harap penjelasan itu jelas kepada semua pihak; Ahli-ahli Dewan ini, pihak akhbar dan juga yang lain-lain.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Pengerusi, terima kasih atas penjelasan Timbalan Menteri Pelajaran. Tetapi walau bagaimanapun, saya berhasrat dan berharap bahawa Politeknik yang hanya ada 2 buah di dalam negara ini akan dapat ditingkatkan tarafnya kepada tingkat yang lebih tinggi seperti lain-lain pusat pengajian tinggi di negara ini, supaya pelajar-pelajar yang keluar lulusan daripada Politeknik-politeknik ini akan dapat

menyandang jawatan-jawatan yang lebih tinggi, tidak seperti yang dirangkakan, kerana pada masa ini negara kita sendiri memerlukan kepada ramai juruteknik dan ahli-ahli eksekutif bagi mentadbir berbagai-bagai bidang pembangunan dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 7 Program Latihan Guru. "Program Latihan Guru adalah bertujuan mengeluarkan guru-guru terlatih untuk sekolah-sekolah supaya objektif pelajaran dapat dicapai dengan jayanya dengan membuat penekanan kepada latihan bermutu." Demikian saya petik tujuan dan strategi Kementerian Pelajaran yang dicatatkan dalam buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1985.

Tuan Pengerusi, kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah sekarang ini adalah amat jelas sekali terutama guru-guru yang mempunyai mutu yang tinggi seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran. Guru-guru Bahasa Malaysia yang mengajar Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah sekarang adalah terdiri daripada guru-guru yang menerima latihan di Maktab-maktab Perguruan umum. Mereka tidak menerima pangajaran dan latihan yang khusus mengenai pengajaran bahasa. Adalah salah kalau kita menganggap bahawa orang Melayu yang mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan Kepujian yang terbaik dalam Bahasa Malaysia adalah layak mengajar Bahasa Malaysia, atau adalah salah kalau kita menganggap bahawa guru-guru yang diberi latihan perguruan umum ianya akan menjadi seorang guru Bahasa Malaysia yang bermutu. Guru bahasa mestilah dilatih khusus di Maktab Perguruan yang khusus mengenai bahasa, barulah ianya akan boleh dikatakan mempunyai latihan yang bermutu.

Tuan Pengerusi, oleh itu saya dengan ini meminta Kementerian Pelajaran supaya fungsi asal Maktab Perguruan Bahasa yang sekarang menjadi Maktab Perguruan Umum itu hendaklah dipulihkan supaya ianya menjadi Pusat Perguruan dan Penyelidikan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia seperti yang disarankan dalam Perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengkajian Penggunaan Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai Jawatankuasa Pengkajian Penggunaan Bahasa Malaysia yang dibentuk oleh Kementerian Pelajaran beberapa tahun yang lalu, yang ketika itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Menteri Pelajarannya. Hari ini Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Profesor Tan Sri Awang Had Salleh telahpun menjalankan tugas dan telahpun membuat beberapa perakuan. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan mengenai perakuan-perakuan, "bagaimanakah perakuan-perakuan yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa ini. Apakah perakuan-perakuan yang dibuat kepada Kementerian Pelajaran, kepada Kementerian-kementerian lain, kepada Jabatan-jabatan yang ada di Malaysia ini telah diambil tindakan dengan sewajarnya". Di akhir-akhir ini, penggunaan bahasa kalau kita lihat makin kelihatan berkecamuk, lebih-lebih lagi dengan berlakunya kepesatan perkembangan pembangunan dalam berbagai bidang, menyebabkan bahasa seolah-olah diabaikan begitu sahaja, sehinggakan ada orang-orang yang tertentu yang merasa janggal bila keluarinya arahan supaya perhimpunan-perhimpunan rasmi di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil menggunakan Bahasa Malaysia seperti yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang, wakil dari Kota Melaka sekejap tadi.

Saya berasa dukacita dalam hal ini kerana ada juga Ahli-ahli Parlimen dari komponen Barisan Nasional sendiri yang mempersoalkan perkara ini dalam ucapan dasar Belanjawan beberapa minggu yang lalu. Saya berharap Kementerian Pelajaran hendaklah bersikap tegas dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini dan juga perkara-perkara yang berkait dengannya.

Tuan Pengerusi, tadi kita telah membincangkan mengenai perkara pemotongan gaji \$10 kepada Pengarah Pelajaran Wilayah Persekutuan kerana mengeluarkan satu arahan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil bagi mengadakan perjumpaan-perjumpaan rasmi dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan. Alasan yang diberikan dengan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Yang Berhormat, saya minta maaf kerana mesti menegur Yang Berhormat. Masalah Yang Berhormat mahu bangkitkan sekarang adalah masalah yang telahpun diputuskan. Dalam perjalanan Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat tidak boleh membangkitkan lagi hujah-hujah yang dikemukakan dalam satu masalah yang diputuskan dalam sidang yang sama. Sila beralih kepada perkara yang lain.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Pengerusi, saya mahu mengemukakan ucapan saya ini dengan merasakan dukacita di atas perkara yang telah berlaku dan saya sebenarnya memberikan sanjungan yang tinggi kepada Pengarah Pelajaran Wilayah yang.

Tuan Pengerusi: Mendukacitakan, tidak apalah. Jangan panjang-panjang. Cukuplah setakat dukacita itu. Lebih daripada dukacita itu menjadi hujah.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Terima kasih, Tuan Pengerusi telah mengeluarkan arahan kepada sekolah-sekolah supaya penggunaan Bahasa Kebangsaan diperluaskan kepada sekolah-sekolah dalam bidang-bidang yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.15 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, B. 26, Butiran 1—Pelajaran Rendah dan Menengah dan Pelajaran Agama.

Tuan Pengerusi, suka saya bercakap mengenai perkara kedudukan pelajaran anak-anak kita iaitu dalam pelajaran rendah dan menengah ini dalam segi susunan pelajaran. Saya mencadangkan supaya Kerajaan membanyakkan mata pelajaran kepada aliran-aliran akhlak kepada murid-murid kerana didapati hari ini murid-murid kita amat berkurangan sekali dengan mata-mata pelajaran mengenai perkara akhlak ataupun budi pekerti.

Budi pekerti ini adalah satu perkara yang mustahak disusun dan diberi dan dipadat kepada murid-murid sejak dari kecilnya, iaitu di sekolah-sekolah rendah, kerana akhlak ataupun budi pekerti inilah akan menyusun seseorang manusia menjadikan ia manusia yang baik. Walaupun seseorang manusia ada mempunyai pelajaran berapa tinggi, tetapi kalau ianya tidak ada mempunyai akhlak ataupun budi pekerti yang terpuji, maka pelajaran tinggi yang ada padanya ataupun ijazah-ijazah tinggi yang ada pada mereka, akan menjadi hancur-lebur dalam segi pandangan masyarakat. Oleh yang demikian, akhlak atau budi pekerti bukan boleh disusun apabila seseorang itu sudah besar ataupun dewasa. Tidak lain tidak bukan hendaklah disusun, diberi pada masa ia masih di sekolah rendah.

Beza, hari ini kita tengok keadaan masyarakat kita, khasnya dalam tanah air kita Malaysia, kalau kita bandingkan dengan masa-masa yang silam, iaitu masa-masa 3 atau 20 tahun yang lalu, dalam segi budi pekerti manusia, amat jauh jika dibandingkan dengan sekarang ini.

Sepatutnya hari ini manusia penuh dengan ilmu pengetahuan dan penuh dengan nikmat-nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.a.w. kepada kita, ketika inilah membayangkan manusia-manusia itu elok dan baik budi pekertinya. Jika dibandingkan dengan masa manusia tidak begitu sangat banyak mempunyai ilmu pengetahuan atau orang-orang yang mempunyai ijazah-ijazah tinggi, sepuluh, duapuluh tahun yang lalu, budi pekerti mereka adalah lebih baik daripada sekarang. Hari ini dengan sebab ilmu budi pekerti ini tidak ditabur ke sekolah-sekolah, maka didapati kanak-kanak masih kecil iaitu masih murid sekolah sudah banyak pandai menderhaka kepada ibu bapa, menderhaka kepada orang tua-tua, menderhaka kepada guru-guru, tidak menghargai guru-guru, tidak menghargai orang tua-tua, tidak menghargai ibu bapa.

Tuan Pengerusi: Adakah budi pekerti itu ditanam di sekolah sahaja, Yang Berhormat?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, budi pekerti itu tempat tanaman, kebun besarnya ialah di sekolah-sekolah rendah. di rumah-rumah adalah kebun kecil, ertinya iaitu satu daripada saluran besar ialah di sekolah-sekolah, itu pendapat saya, kerana sebab-sebab yang saya kata begitu, pagi-pagi sahaja kanak-kanak celik mata selepas makan pagi terus dia menerkam ke sekolah-sekolah dan ada kalanya berada di sekolah daripada pagi dan ada yang sampai ke petang mereka belajar, hanya mereka balik ke rumah petang hari, sudah

letih, sudah mandi lebih kurang, selepas maghrib dia hendak tengok televisyen, tidak ada masanya ibu bapa hendak bercakap dalam soal akhlak atau budi pekerti. Oleh itu sekolahlah menjadi kebun besar untuk melatih anak-anak kita menjadi seorang akhlak yang baik.

Tuan Pengerusi: Kalau tutup televisyen tidak boleh?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, hari ini televisyen sudah menjadi kekasih orang di rumah-rumah, mereka tidak mahu tutup televisyen, ada di antara mereka mengatakan daripada televisyen itu dapat pula pelajaran-pelajarannya di situ, tetapi pelajaran akhlak atau budi pekerti sangat sedikit kita hendak dapat daripada televisyen. Oleh yang demikian barangkali di sekolah-sekolah hari ini, di sekolah-sekolah rendah amat sedikit ataupun tidak ada langsung buku-buku yang mengenai budi pekerti khasnya. Oleh itu patutlah Kementerian Pelajaran mengadakan buku-bukunya iaitu buku dipanggil "Adat" ataupun buku "Budi Pekerti".

Misalnya kalau dahulu saya masih ingat masa sekolah Melayu, pagi-pagi di sekolah kita beratur, kemudian guru-guru mengajar kita doa.

Sebagaimana yang saya sebut ini, saya ingat sekolah yang saya belajar iaitu Sekolah Bukit Tunggul namanya, kita sedang beratur kemudian guru mengajar kita doa. Ada doanya saya masih ingat lafaz doa itu yang bermaksud: Wahai tuhan kami bukannya kepada kami pintu-pintu marifat atau pintu-pintu pengetahuan; dan kurniakan ya Allah akan kami fahaman-fahaman yang didapati dari Nabi-nabi. Ini saya masih ingat doa-doa yang diajar oleh guru-guru di sekolah rendah dahulu, tetapi hari ini sudah tidak ada lagi doa itu, hari ini kalau sekiranya di sekolah-sekolah

kalau dibaca doa dan sebagainya itu sudah menjadi kuno, kenapa? Sebabnya hari ini kita mahu perkara-perkara moden, kita mahu muzik kerana muzik itu kita rasa boleh memberi kepandaian yang berkesan kepada anak-anak kita, tetapi saya mahu tanya Kementerian Pelajaran, adakah ingin bahawa seluruh Malaysia akan menjadi ahli muzik semuanya? Ataupun itu difikirkan bakat, kalau tidak ada bakat tidak boleh jadi ahli muzik. Maka oleh ini kita adakan di sekolah-sekolah rendah kita, murid-murid mesti pandai main muzik, muzik itu lebih baik ataupun doa sebagaimana saya bacakan tadi lebih baik.

Dalam segi kesan, dalam segi pemberian Allah s.w.t terhadap sanubari manusia khususnya kanak-kanak yang hatinya masih putih, bersih, yang kita mahu masukkan ilmu pengetahuan kepada anak-anak kita itu. Muzik lebih baik atau doa lebih baik? Kalau sekiranya kita boleh jawab doa lebih baik kenapakah doa-doa yang diajari pada masa penjajah dahulu, hari ini kenapa tidak diajar di sekolah-sekolah kita?

Hari ini negara kita negara merdeka, Kementerian Pelajaran, Kerajaan kita memerintah sendiri bukan di bawah pemerintahan penjajah, jadi kenapakah kita tidak fikir perkara-perkara yang boleh memberi lebih kesan kepada anak-anak kita ini? Saya bukan tidak menyokong dalam segi kurikulum seperti dimasukkan muzik dan sebagainya itu? Tetapi kita hendak fikir faedahnya apa, itu soalnya. Adakah kita mahu supaya kanak-kanak kita ini jadi asyik di sekolah? Ataupun kita mahu anak-anak kita ini pandai menghibur manusia apabila dia besar nanti dia pandai menyanyi dan bermain muzik? Atau apa dia punya matlamatnya itu? Tujuan apa, untuk apa, kenapa? Saya fikir dalam sekolah-sekolah itu kalau boleh

timbulkan bakat muzik yang pandai macam Hamid Dolmat dan sebagainya, pun tidak banyak 1-2 orang sahaja dalam sebuah sekolah.

Tuan Pengerusi: Siapa Hamid Dolmat itu, Yang Berhormat?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Hamzah Dolmat.

Tuan Pengerusi: Hamzah, bukan saya Yang Berhormat? (*Ketawa*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Saya pun kurang ingat iaitu Hamzah Dolmat, kerana kita tengok muziknya masya Allah, oleh itu dalam sebuah sekolah kita akan timbulkan orang seperti ini, rasa saya dalam sebuah sekolah habis banyak seorang, jadi kita sekarang mengajar semua kanak-kanak kita muzik. Oleh yang demikian, saya bercadang apa yang elok, yang kita fikirkan, yang diajar di sekolah-sekolah rendah pada masa-masa yang silam, maka amat patut kita ambil dan kita sajikan kepada murid-murid di sekolah-sekolah rendah.

Pada masa dahulu di waktu kecil, masa di sekolah rendah diajar tentang akhlak, diperintah oleh cikgu memakai songkok, ini bukan saya hendak syor supaya semua bersongkok—bukan. Semua pakai songkok, kalau tidak pakai songkok cikgu suruh balik ke rumah ambil songkok semula. ini Sekolah Bukit Tunggal saya sebut dalam Dewan yang mulia ini iaitu sekolah tempat didikan saya masa kecil.

Kalau si murid-murid perempuan tidak ada kain selubung kena balik semula ambil kain selubung. Walaupun kita tengok bahawasanya cikgu suruh bersongkok ini baik bukan mengenai pelajaran, ini ke semua mengajar akhlak-akhlak dan apabila sahaja seseorang murid tidak bawa kain selubung dia suruh balik ambil

kain selubung, ini untuk mengajar kepada manusia apabila dia besar nanti sepatutnya sebagai seorang perempuan muslimah misalnya dia ada memakai selubung, jadi tidak payahlah umpama kata nanti hendak datang satu perkataan "Penerapan Nilai-nilai Islam", maka kita syor kepada orang-orang perempuan supaya pakai selubung semua payah jadi, dia akan jadi selubung sangkut, dia tidak akan kelubung di kepala, dia sangkut di bahu kerana apa? Didikan masa kecil-kecil tidak ada. Ini adalah akhlak ataupun budi pekerti, hormat kepada guru. Hormat kepada guru ini satu pelajaran.

Tuan Pengerusi: Yang saya lihat kedua-dua wanita di hadapan saya sempurna, Yang Berhormat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, benar dua wanita di depan kita ini semuanya selubung, betul, masya Allah, tetapi kita mahu semoga wanita-wanita yang lain akan meniru seperti dua wanita yang ada dalam Dewan kita ini.

Tuan Pengerusi, saya tekankan dalam mengenai akhlak tadi. Hormat kepada guru datang daripada akhlak. Hari ini kita dapati ada di antara murid-murid bertumbuk dengan guru, ini semua kerana tak ada akhlak ataupun tak ada mata pelajaran yang mengenai mengajar dia hormat kepada guru. Kalau ibu bapa dia adalah memberi makanan jasmani kepada kita tetapi guru adalah memberi makanan rohani kepada kita. Jadi, hormat kepada guru ini adalah satu perkara yang dituntut oleh agama dan juga masyarakat.

Selain daripada itu, suka saya sentuh mengenai pelajaran agama sedikit, juga dalam Butiran 1, Tuan Pengerusi. Pelajaran agama saya mencadangkan supaya Kementerian meluaskan sedikit lagi daripada apa yang ada kerana pelajaran agama yang ada sekarang ini masanya terlalu

sedikit, tidak banyak, tidak mencukupi dan saya mencadangkan supaya mata pelajaran agama itu menjadi satu mata pelajaran wajib yang tidak boleh tidak. Ertinya, kalau tidak lulus mata pelajaran agama, maka dia tak luluslah, ertinya tak dapat sijillah dan mata pelajaran agama ini diberi kepada semua murid-murid, tidak kecuali murid yang beragama Islam ataupun tidak beragama Islam. Kenapa? apakah tujuannya yang patut kita beri sama ada murid beragama Islam ataupun murid tidak agama Islam, adalah pelajaran tidak kecuali apa-apa agama bahkan dalam Islam kita sendiri tidak ada halangan seseorang boleh mempelajari dan belajar pelajaran daripada mata pelajaran Yahudi ataupun Nasarah, boleh dipelajari, tidak ada halangan dan Nabi s.a.w. sendiri ada menghantar seorang kanak-kanak bernama Zaid, hantar belajar ilmu Yahudi. Dan kepada mereka yang tidak beragama Islam kalau sekiranya Kementerian Pelajaran memasukkan mata pelajaran itu kepada murid-murid yang bukan Islam, maka tak usahlah kiranya orang-orang yang bukan agama Islam merasa curiga tentang takut-takut apa pula, misalan Kementerian Pelajaran bertujuan hendak memasukkan agama dan sebagainya, itu tidak ada dalam segi mata pelajaran. Dalam segi pelajaran, mustahak diberi pelajaran, khasnya kalau kembali kepada pelajaran akhlak tadi adakah ibu-ibu bapa orang-orang yang bukan muslimin tidak mustahak kepada anak-anaknya menghormati kepada ibu bapanya? Tentu sekali mustahak dan mahu. Maka pelajaran agama ini adalah suruh menghormati kepada ibu bapa dan orang tua-tuanya, tidak kecuali apa agama. Oleh yang demikian, mata pelajaran agama ataupun pelajaran agama yang ada sekarang ini hendaklah diluaskan dan dikenankan kepada semua murid-murid kerana ini dalam segi pelajaran.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat membangkitkan Tertib Mesyuarat atau minta penjelasan?

Tuan Sim Kwang Yang: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, silakan.

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Seperti Yang Berhormat tadi cadangkan kalau mata pelajaran agama menjadi satu mata pelajaran yang wajib dan murid-murid yang bukan beragama Islam juga diperlukan untuk mengambil mata pelajaran itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa langkah ini akan dianggapkan sebagai satu langkah yang memaksa orang yang bukan Islam untuk mengambil kursus ini? Dan jika ya, adakah Yang Berhormat sedar juga langkah ini akan menimbulkan perasaan yang tidak puas hati sekeras-kerasnya yang akan menyumbangkan kepada polarisasi kaum di antara murid-murid di sekolah kita?

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, sebenarnya bukan bertujuan untuk memaksa, ertinya Kerajaan memaksa supaya murid-murid itu, misalnya belajar dalam satu mata pelajaran agama dan sebagainya, bukan soal memaksa. Ini tujuannya untuk memperbaiki orang. Kemudahan, dalam segi tak puas hati kaum itu, kalau kaum itu sendiri mahu rasa tak puas hati tentu akan tak puas hati, tetapi kita mesti tengok Kerajaan apa tujuannya, tujuan baik atau

tujuan jahat, itu soalnya. Kalau sekiranya mata pelajaran agama itu sebagai tujuan jahat, boleh kita tentang, tetepi adakah mata pelajaran menjadi suatu perkara, satu matlamat jahat, tidak jahat. Apa sesuatu pelajaran tidak bertujuan jahat, yang jahat bukan pelajaran. Misalnya, tak usah kata mata pelajaran, kalau sekiranya memberi satu mata pelajaran di sekolah-sekolah belajar bersilat misalnya, kalau kita pandang sepintas lalu bersilat ini tak baik, tetapi kalau kerana matlamat untuk mata pelajaran menjaga diri misalnya.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Minta jalan lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Silakan.

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau cadangan Yang Berhormat adalah bertujuan untuk memperbaiki murid-murid itu, kenapa Yang Berhormat tidak bercadang untuk mengadakan mata pelajaran agama untuk murid-murid yang bukan agama Islam, seperti mata pelajaran agama Christianitykah ataupun Buddhismkah atau lain-lainnya?

Tuan Pengerusi: Selepas jawab itu tak usah beri jalan lagilah sebab sudah mahu jadi berhujah, cukup!

Tuan Sim Kwang Yang: Sama ada beri jalan atau tidak, bergantung kepada Yang Berhormat, bukan bergantung kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila duduk sebentar! Saya hendak menghuraikan di sini, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menganggapkan sama ada Ahli beri jalan atau tidak adalah hak Ahli itu sendiri, ini adalah memang benar, tetapi masa yang diberi untuk seseorang itu berucap ialah hak saya dan saya menentukan masa Yang Berhormat dari Bandar Kuching berucap sudah tamat. Sila teruskan, Yang Berhormat!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, kenapakah Kerajaan tidak beri mata pelajaran Kristian dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah tiba bagi kita tangguhkan mesyuarat. Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada hari esok, pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.